

قتین تیتہ

PETIKAN TITAH

"DI arena antarabangsa, kita akan terus memupuk dan mengeratkan hubungan serta kerjasama dengan negara-negara sahabat, di samping turut menghulurkan bantuan-bantuan kemanusiaan kepada pihak-pihak yang memerlukan, selaras dengan kemampuan kita."
- Titah Sempena Menyambut Awal Tahun Baharu Masihi 2018.



Pelita BRUNEI

كَلْبَرِيَّةٌ
تَمْبُدَايَاكُنْ مَاسْيارَاكُتْ بَرْمَاكُلُمَاتْ

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

"MAHA suci Allah yang telah memudahkan kenderaan ini untuk kami sedang kami sebelum ini tidak berdaya menguasainya dan sesungguhnya kami tentu akan kembali kepada Tuhan kami."
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Az-Zukhruf, ayat 13 - 14.

Waktu Sembahyang

IMSAK 4.39 SUBUH 4.49 SYURUK 6.11 DUHA 6.35 ZUHUR 12.08 ASAR 3.30 MAGHRIB 6.03 ISYAK 7.17

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 63 / BILANGAN 142

26 NOVEMBER 2018 / 18 ربيع الأول 1440

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA

Wujudkan masyarakat sihat, kukuhkan perpaduan negara

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 25 November. - Suasana ibu negara begitu meriah dengan kehadiran pelbagai lapisan masyarakat terutamanya penggemar sukan berbasikal dalam sama-sama menjayakan Acara Riadah Berbasikal 57 Kilometer (Km) sempena Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (HUT ABDB) Ke-57, yang menggabungkan aspek gaya hidup sihat dan rekreasi yang mampu mewujudkan masyarakat sihat dan mengukuhkan perpaduan negara.

Ke muka 2

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) bersama paduka-paduka anakanda baginda berkenan menyertai kayuhan sejauh 12 kilometer bagi menjayakan Acara Riadah Berbasikal 57 Kilometer sempena Hari Ulang Tahun ABDB Ke-57. - Foto : Mohamad Azmi Awang Damit (Lihat muka 2 hingga 5).



Terokai produk baharu, penuhi keperluan masyarakat umum

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah

ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri

bersabda, sebagai hala tuju, industri Takaful di Brunei harus meneroka produk-produk Takaful yang baharu dan inovatif, kepelbagaian perkhidmatan yang berkualiti dan dinamik serta mematuhi penarafan antarabangsa yang patuh syariah bagi memenuhi keperluan masyarakat umum.

"Perkara ini adalah selaras dengan aspirasi paduka ayahanda untuk menjadikan negara ini sebagai salah sebuah pusat kewangan Islam antarabangsa.

Saya mengambil maklum Insurans Islam TAIB

menyediakan pelbagai produk Takaful yang berkonsepkan 'tabarru' demi menolong ataupun melindungi para peserta yang menjadi salah satu wadah budaya menabung yang sewajarnya diterapkan dari peringkat usia awal khasnya di kalangan generasi semasa serta penerus. Ianya merupakan elemen penting dalam pendidikan serta pemasaran produk dan perkhidmatan yang juga menggalakkan budaya merancang dan mengurus kewangan yang berhemat," sabda Duli Yang Teramat Mulia pada Majlis Sambutan Jubli Perak

Penubuhan Insurans Islam TAIB Holdings Sendirian Berhad dan Darussalam Holdings Sendirian Berhad berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

DYTM melahirkan harapan program kesedaran mengenai kepentingan menabung dan celik kewangan akan secara terus-menerus dilaksanakan oleh Insurans Islam TAIB bersama institusi kewangan lainnya demi kemaslahatan semua.

Ke muka 6

IKUTI KAMI DI



APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN

Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam
infodept.bn
infodept_bn



سيكتور قرتانين، سور فيزاييليتي بقسانان نكارا
"SEKTOR PERTANIAN: SURVIVABILITI BANGSA DAN NEGARA"

● MAJLIS ILMU - 19 RABIULAWAL HINGGA 21 RABIULAWAL 1440H BERSAMAAN 27 NOVEMBER HINGGA 29 NOVEMBER 2018M
● PAMERAN MAJLIS ILMU - 19 RABIULAWAL HINGGA 25 RABIULAWAL 1440H BERSAMAAN 27 NOVEMBER HINGGA 3 DISEMBER 2018M

MAJLIS ILMU 2018
SAMBUTAN PERAYAAN HARI KEPUTERAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM YANG KE-72 TAHUN

Wujudkan masyarakat sihat, kukuhkan perpaduan negara



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) bersama paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Jeneral ABDB dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Kapten (Udara) Pengiran Muda 'Abdul Mateen berangkat menyertai kayuhan sejauh 12 kilometer bagi menjayakan Acara Riadah Berbasikal 57 Kilometer sempena Hari Ulang Tahun ABDB (HUT ABDB) Ke-57 ketika melintasi Masjid Omar 'Ali Saifuddien di ibu negara.

Dari muka 1

Acara pagi tadi bertambah seri lagi apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi ABDB berkenan menyertai rakyat baginda dalam aktiviti Riadah Berbasikal berkenaan yang bermula dan berakhir di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, di sini.

Berangkat sama menyertai Riadah Berbasikal ialah paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Jeneral ABDB; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka

Seri 920 Kapten (Udara) Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan Kebawah DYMM berserta paduka-paduka anakanda baginda di hadapan Pentas Diraja Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien dijunjung oleh Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin

Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Aminan bin Pengiran Haji Mahmud.

Ke muka 3



SUASANA kegembiraan yang dikongsi bersama keluarga pada Acara Riadah Berbasikal 57Km sempena HUT ABDB Ke-57 tersebut.

Dari Sidang Pengarang.

26 NOVEMBER 2018 BERSAMAAN 1440 ربيع الأول 18

CUTI MUSIM PERSEKOLAHAN PELUANG MENERATKAN HUBUNGAN KEKELUARGAAN

SETELAH kira-kira 11 bulan bertungkus-lumus mentelaah mata pelajaran untuk mencapai kejayaan, kini musim cuti persekolahan yang ditunggu-tunggu hampir tiba. Anak-anak setentunya gembira diberikan kesempatan ini untuk menghilangkan penat lelah dan sudah pasti bermacam-macam perancangan difikirkan untuk menikmati cuti persekolahan ini dengan semaksima yang mungkin.

Bagaimanapun, peluang cuti sekolah ini sebaiknya digunakan untuk mengeratkan hubungan keluarga. Rancang aktiviti dengan bijaksana dan terurus agar masa yang diluangkan adalah bermanfaat dan membawa kebaikan kepada semua.

Namun walau apa perancangan sekalipun, mengetahui keberadaan anak-anak adalah sangat penting terutama jika membuat perancangan untuk mengadakan aktiviti di luar rumah. Kita tidak mahu anak-anak terjebak dengan aktiviti-aktiviti yang berunsurkan negatif mahupun yang membuang masa dan tidak berfaedah.

Dengan cuti persekolahan ini, trend yang ketara ialah sama ada meluangkan cuti berkenaan di dalam atau di luar negara. Kedua-duanya adalah tidak salah bagaimanapun seperti yang dinyatakan tadi, rancang cuti dengan teratur dan bijaksana.

Bagi yang belum membuat sebarang perancangan, bulan Disember ini menjanjikan suasana yang begitu meriah melalui Brunei December Festival (BDF) 2018 di mana lebih daripada 40 aktiviti disediakan sepanjang bulan berkenaan.

Antara aktiviti termasuk persembahan Jalinan Kelupis Terpanjang di Pesta Makanan Brunei Ke-2 yang akan diadakan pada 2 Disember 2018 bertempat di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien bersama acara Bandarku Ceria.

Kelupis tersebut akan dijalin sepanjang lebih 200 meter juga bertujuan bagi catatan Guinness World Record. Adalah dianggarkan kira-kira 7,000 kelupis akan dijalin dan dipamerkan semasa pesta itu nanti.

Ini tentunya satu acara yang sangat dinanti-nantikan yang secara tidak langsung akan memperkenalkan negara ke dunia luar di samping mempromosikan kuih tradisi di dalam dan juga luar negara.

Kelupis itu nanti akan diagih-agihkan kepada anak-anak yatim dan orang ramai yang berkunjung bagi menyaksikan persembahan kelupis terpanjang yang belum pernah dibuat oleh mana-mana pihak tersebut.

Selain itu, banyak lagi acara-acara lain diadakan seperti Brunei Film Blitz yang akan mengentengahkan pelbagai aktiviti berkaitan dengan perfileman bermula 9 hingga 29 Disember yang akan diadakan di Mahakaraya Institute of Arts, Plaza Athirah. Pelbagai filem antarabangsa dari Amerika Syarikat, Australia, Filipina, India, Indonesia, Jepun, Korea, Pakistan dan Perancis akan ditayangkan.

Antara yang menarik pada Brunei Film Blitz ini ialah penganjuran Pertandingan Pembikinan Filem Pendek, yang mana para peserta akan diberikan masa 96 jam atau empat hari sahaja bagi menghasilkan sebuah filem pendek berdurasi tidak kurang daripada tiga minit dan tidak melebihi enam minit.

Pameran Lukisan Solo 'Raja Julangan Kasih Rakyat' oleh pelukis tempatan, Huifong Ng bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-72 juga akan diadakan di Galeri Seni, Dermaga Diraja di ibu negara bermula dari 3 Disember 2018 hingga 3 Januari 2019. Sebanyak 13 lukisan yang menggambarkan masa lalu yang penuh dengan sejarah dari anggaran tahun 1965 hingga terkini akan dipamerkan.

Begitu juga acara sukan yang akan diadakan pada bulan Disember ini, termasuk Brunei Unexpected Kingdom Ultra Marathon (BUKUM) 2018 yang akan diadakan buat pertama kalinya pada 1 hingga 2 Disember ini.

Apa yang dinyatakan di atas hanya empat acara dari lebih 40 aktiviti yang disenaraikan untuk BDF 2018. Ini sudah cukup menggambarkan bulan Disember ini akan begitu meriah dan boleh digunakan sebaiknya untuk anak-anak meluangkan cuti persekolahan mereka.

Bagi yang bercadang untuk melancong ke luar atau dalam negara, pastikan rumah serta harta benda yang ditinggalkan dalam keadaan selamat. Pastikan suis-suis elektrik pada peralatan yang berkenaan dimatikan, pintu dan tingkap dikunci rapi. Pesani jiran tetangga yang berhampiran untuk memata-matai rumah dan harta benda kita dan tinggalkan nombor yang mudah untuk dihubungi.

Cuti bulan Disember tentunya sangat dinantikan. Semoga peluang ini digunakan dengan bijaksana dan hubungan kekeluargaan juga bertambah erat. - **Ketua Penyuntingan (Ss).**

RAMALAN CUACA 3 HARI

ISNIN	SELASA	RABU
BANDAR SERI BEGAWAN 32 25 °C	BANDAR SERI BEGAWAN 32 25 °C	BANDAR SERI BEGAWAN 32 25 °C
PEKAN BANGAR 32 25 °C	PEKAN BANGAR 32 25 °C	PEKAN BANGAR 32 25 °C
PEKAN TUTONG 32 25 °C	PEKAN TUTONG 32 25 °C	PEKAN TUTONG 32 25 °C
KUALA BELAIT 32 25 °C	KUALA BELAIT 32 25 °C	KUALA BELAIT 32 25 °C

WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi NOVEMBER	HARI	Hijrah RABIULAWAL	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
26	ISNIN	18	4.39	4.49	6.11	6.35	12.08	3.30	6.03	7.17
27	SELASA	19	4.39	4.49	6.12	6.36	12.09	3.31	6.04	7.17
28	RABU	20	4.40	4.50	6.12	6.36	12.09	3.31	6.04	7.18
29	KHAMIS	21	4.40	4.50	6.12	6.36	12.09	3.31	6.04	7.18
30	JUMAAT	22	4.40	4.50	6.13	6.37	12.10	3.32	6.05	7.18
1 DISEMBER	SABTU	23	4.41	4.51	6.13	6.37	12.10	3.32	6.05	7.19
2	AHAD	24	4.41	4.51	6.14	6.38	12.11	3.32	6.05	7.19

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

Wallahuallah Bissawab
Jabatan Kaji cuaca
Brunei Darussalam
www.met.gov.bn

Talian Cuaca
114

Brunei WX App

TALIAN KECEMASAN 991 | **POLIS 993** | **BOMBA 995** | **PENYELAMAT 998**

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC
2380214



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi ABDB bersama paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Jeneral ABDB; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Kapten (Udara) Pengiran Muda 'Abdul Mateen ketika berangkat menyertai rakyat dalam aktiviti Riadah Berbasikal.

Dari muka 2

Kebawah DYMM berkenan mendahului Riadah Berbasikal sejauh 12Km mengelilingi Bandar Seri Begawan yang melintasi jalan-jalan utama antaranya Jalan Pretty, Jalan Elizabeth II, Jalan Masjid Omar

'Ali Saifuddien, Jalan Kianggeh, Jalan Sekolah, Jalan Kumbang Pasang, Jalan Menteri Besar, Jalan Perdana Menteri, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan melimpasi beberapa buah bangunan ikonik di sekitar ibu negara. Acara Riadah Berbasikal itu turut disertai

oleh Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap, para jempunan, orang ramai termasuk warga asing.

Terdahulu, acara pelepasan bagi seramai 1,057 anggota ABDB termasuk orang awam yang menyertai Ekspedisi

Berbasikal sejauh 45Km dilaksanakan bermula kira-kira jam 4.45 pagi.

Ekspedisi Berbasikal tersebut dibahagikan kepada lima kumpulan mewakili Kumpulan Alpha, Kumpulan Bravo, Kumpulan Charlie, Kumpulan Delta dan Kumpulan Echo, di mana mereka mengelilingi

Bandar Seri Begawan melintasi jalan-jalan utama, antaranya Tasek Meradun, Kampung Sengkurong, Kampung Jerudong, Lebuhraya Tungku, Gadong, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah dan berakhir di taman berkenaan.

Ke muka 4



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar bersama para pengunjung pada acara Riadah Berbasikal tersebut (kiri), sementara gambar kanan, paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan mendengarkan sembah penerangan ketika berkenan menyaksikan jerayawara dari ABDB.



PARA peserta sama-sama mengongsikan kegembiraan dan keceriaan bersama ahli keluarga dan sahabat handai masing-masing semasa acara Riadah Berbasikal diadakan (kiri dan kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) berkenan menyaksikan dan mendengarkan sembah penerangan daripada syarikat-syarikat yang menyertai pameran pada Acara Riadah Berbasikal 57 Kilometer (Km) sempena Hari Ulang Tahun ABDB (HUT ABDB) Ke-57 tersebut (kiri dan kanan).

Dari muka 3

Selepas Acara Riadah Berbasikal, Kebawah DYMM dan paduka-paduka anakanda baginda berkenan melawat ke

khemah-khemah pameran yang diadakan di persekitaran taman tersebut dengan pelbagai aktiviti yang disediakan oleh agensi-agensi yang terlibat, antaranya Jerayawara

Pengambilan Tentera oleh Pejabat Pengambilan ABDB, Khidmat Perubatan dan Kesihatan, ABDB, pameran dari Tentera Udara Diraja Brunei dan Tentera Laut Diraja Brunei.

Turut menjadi perhatian baginda ialah Jerayawara Pusat Promosi Kesihatan dan Pusat Diabetis Hospital Raja Isteri

Pengiran Anak Saleha sempena Hari Diabetis Sedunia dan pameran pihak penaja antaranya Route 88, Bike Park, Tumtum Cycle, Redbull, Luminox, KOWIRA dan sebagainya.

Acara ini juga dimulakan dengan Program Masjidku Makmur di Masjid Omar 'Ali Saifuddien dengan

Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah, di mana satu tazkirah bertajuk 'Tanggungjawab Mempertahankan Keamanan Negara' disampaikan oleh Pegawai Operasi Agama, Jabatan Agama ABDB di Kementerian Pertahanan, Kapten Mohammad Ayza Azrine bin Ayahani.

Ke muka 5



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Jeneral ABDB berkenan menerima junjung ziarah sejeurus berangkat tiba di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien (kiri), sementara gambar kanan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Kapten (Udara) Pengiran Muda 'Abdul Mateen ketika berkenan beramah mesra bersama salah seorang peserta yang ikut serta pada Acara Riadah Berbasikal 57Km sempena HUT ABDB Ke-57.



YANG Berhormat Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Menteri Pembangunan dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan antara yang ikut serta pada kayuhan sejauh 12km bagi sama-sama menjayakan Acara Riadah Berbasikal 57Km sempena HUT ABDB Ke-57 (kiri dan kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi ABDB ketika berkenan bergambar ramai ketika melawat salah sebuah khemah pameran.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan berangkat menyertai kayuhan 12Km pada Acara Riadah Berbasikal 57Km sempena HUT ABDB Ke-57.

SUASANA Riadah Berbasikal sempena HUT ABDB Ke-57 dianjurkan oleh ABDB dengan penglibatan Kementerian lain serta syarikat-syarikat tajaan dan orang ramai (kanan, bawah kiri dan bawah kanan).

Dari muka 4

Acara Riadah Berbasikal sempena HUT ABDB Ke-57 dianjurkan oleh ABDB dengan penglibatan Kementerian lain serta syarikat-syarikat tajaan. Kejayaan acara Riadah Berbasikal itu telah mencerminkan bagaimana pendekatan ABDB khasnya yang melibatkan seluruh lapisan masyarakat secara am adalah sangat efektif dan berkesan, apatah lagi jika diguna pakai dalam memajukan

program-program pembangunan negara di samping menggalakkan gaya hidup sihat.

Dengan berlangsungnya acara seumpama ini, ia sekali gus memperlihatkan sukan diberi pengiktirafan, penghormatan dan pengalakan yang sama penting dengan sektor sosial yang lain bagi mencapai matlamat pembangunan negara, perpaduan dan kestabilan yang berterusan khususnya sukan berbasikal yang kini diiktiraf sebagai Hobi Negara.



Berkenan menerima mengadap perpisahan Pesuruhjaya Tinggi Republik India

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Republik India ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Nagma Mohamed Mallick yang akan menamatkan perkhidmatan.

Puan Yang Terutama telah menyembahkan Surat Tauliah Pelantikannya ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 23 Januari 2016.

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Republik India ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Nagma Mohamed Mallick yang akan menamatkan perkhidmatan.

Sentiasa peka, buat penelitian kesan aktiviti perniagaan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hamzah Mohidin, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 November. - Tertubuhnya syarikat-syarikat Takaful TAIB dan Darussalam Holdings yang berperanan sebagai perintis dan penyumbang kepada agenda pembangunan serta perkembangan kewangan Islam di Negara Brunei Darussalam telah mewujudkan *niche* industri tertentu di samping memberikan peluang pekerjaan yang baharu kepada warga tempatan ke arah memperluaskan skop dan landskap kerja negara ini.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri bersabda, di zaman persaingan perniagaan yang semakin mencabar serta sukar untuk dijangkakan, sama ada di peringkat serantau mahupun antarabangsa, antara cabarannya adalah melibatkan isu ekonomi dan geopolitik seperti Trade War, Revolusi Industri Keempat, termasuk isu-isu bencana alam dan perubahan iklim.

"Kesemua kemungkinan ini menghendaki kita untuk sentiasa peka dan membuat penelitian yang lebih objektif terhadap kesannya kepada aktiviti perniagaan yang sedia ada, di

samping merangka strategi penyelesaian bagi mendepani kemungkinan berbagai risiko termasuk penularan pantas ke peringkat krisis global.

Dalam era kecanggihan teknologi semasa, saya percaya pentingnya peranan inovasi dan berharap syarikat-syarikat ini akan selalu kemas kini dalam memanfaatkan teknologi baharu dengan menggabungkannya ke dalam sistem penyampaian perkhidmatan serta jangkauan pasaran dan produk yang lebih meluas," sabda Duli Yang Teramat Mulia pada Majlis Sambutan Jubli Perak Penubuhan Insurans Islam TAIB Holdings Sendirian Berhad dan Darussalam Holdings Sendirian Berhad berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Dengan kejayaan kedua-dua syarikat setakat ini yang telah disokong oleh pasaran domestik, DYTM berpendapat ada baiknya juga bagi pencapaian ini untuk seterusnya dipertingkatkan dengan menerokai dan menceburi peluang-peluang di pasaran serantau.

DYTM menambah sabda, ke arah itu, Sambutan Jubli Perak ini perlulah seterusnya dijadikan landasan untuk membuat penilaian semula atau transformasi yang diperlukan kerana ia bersangkutan paut dengan kemajuan, kedayatahan dan kelestarian syarikat dalam jangka masa panjang.

"Kualiti perkhidmatan yang cekap dan mesra pelanggan adalah cermin kepada kepekaan pengurusan syarikat dalam apa jua keadaan yang akan sentiasa diukur dari tahap efisiensi, kesempurnaan dan progresif. Pengalaman pelanggan melalui aku janji mutu perkhidmatan dan pengurusan yang sentiasa berada di tahap yang amat memuaskan akan menjadi ristaan dan penanda



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan mengurniakan sabda pada Majlis Sambutan Jubli Perak Penubuhan Insurans Islam TAIB Holdings Sendirian Berhad dan Darussalam Holdings Sendirian Berhad berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

aras kepuasan para pelanggan atau sebaliknya.

Dalam hubungan ini, saya ingin melihat pencapaian Jubli Perak ini sebagai titik tolak untuk mempersiapkan inisiatif atau program peningkatan tenaga kerja khususnya kepakaran Islamiah di dalam bidang *niche* tertentu, seperti manasik haji, Takaful, aktuari dan perundangan," tambah sabda DYTM.

Keperluan ini, tegas DYTM, sangat relevan kerana pengurusan adalah berlandaskan kepada konsep dan amalan yang patuh syariah. Kepelbagaian pakar adalah kelebihan sesebuah syarikat yang progresif serta pembangunan

keupayaan untuk merangka strategi-strategi baharu agar kemajuan dan kedayatahan perniagaan terjamin walaupun dalam keadaan krisis ekonomi yang mencabar.

"Ke arah mencapai matlamat tersebut, pihak TAIB dan khasnya anak-anak syarikatnya juga perlu menjalinkan hubungan kerjasama dengan institusi pengajian tinggi dan rakan industri tempatan mahupun antarabangsa yang berkaitan. Ini termasuklah keperluan untuk meningkatkan kepakaran dan komposisi keahlian Badan Penasihat Syariah yang meliputi ilmu ekonomi, kewangan dan perundangan," sabda DYTM.

Terokai produk baharu, penuhi keperluan masyarakat umum

Dari muka 1

Menyedari akan kemajuan perkembangan Darussalam Holdings yang seterusnya berjaya mengekalkan tahap kualiti perkhidmatannya dari tahun ke tahun berdasarkan keperluan dan permintaan orang ramai, DYTM penuh percaya ini adalah satu petanda bahawa Darussalam Holdings telah menyampaikan mandatnya dengan amat baik sebagaimana jua syarikat-syarikat lainnya yang menawarkan perkhidmatan yang sama, demi mewujudkan persaingan yang sihat antara syarikat termasuk kemajuan industri pelancongan tanah air.

DYTM seterusnya melahirkan kepercayaan bahawa perkhidmatan yang ditawarkan sentiasa mengutamakan ciri-ciri keislaman sesuai dengan jenama 'Darussalam' yang diguna pakai tersebut adalah cukup besar dan luas peranannya serta melambangkan kesempurnaan dan kedamaian kepada setiap yang berurusan dengannya baik di dalam atau luar negara.

Sebelum mengakhiri sabda, DYTM mengucapkan tahniah kepada warga kerja Insurans Islam TAIB dan Darussalam Holdings yang selama ini telah bersama-sama menyumbang bakti dengan penuh komited demi memenuhi kepentingan umat Islam dan masyarakat umum di negara ini.

Sambutan Jubli Perak Penubuhan IITHSB dan DHSB



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat pada Majlis Sambutan Jubli Perak Penubuhan Insurans Islam Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) Holdings Sendirian Berhad (IITHSB) dan Darussalam Holdings Sendirian Berhad (DHSB) diadakan di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. Berangkat sama paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 November. - Sambutan rasmi bagi memperingati Jubli Perak Penubuhan Insurans Islam Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) Holdings Sendirian Berhad (IITHSB) dan Darussalam Holdings Sendirian Berhad (DHSB) diadakan di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa,

Berakas (ICC), di sini. Sambutan tersebut diserikan dengan keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan

di Jabatan Perdana Menteri. Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Penasihat Perbadanan TAIB; Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengerusi Perbadanan TAIB; Timbalan Menteri Kewangan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Ahmaddin bin Haji Abd. Rahman selaku Pengerusi Lembaga Pengarah IITHSB dan Timbalan Menteri Kewangan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Dr. Awang Abdul Manaf bin Haji Metussin selaku Pengerusi Lembaga Pengarah DHSB.

Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Oleh: Haniza Abdul Latif
Foto: Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hamzah Mohidin, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran Surah Al-Saff, ayat 10 hingga 12 oleh johan Musabaqah Tilawah Al-Quran Belia Asia Tenggara Tahun 2011, Pengiran Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marjuki, manakala tafsiran ayat disampaikan oleh Awang Haji Adi Ismat bin Lamat.

Antara inti sari ayat-ayat Al-Quran tersebut ialah untuk mencapai keredaan dan meraih balasan kebaikan yang kekal di akhirat, perniagaan yang boleh menyelamatkan dari azab seksa itu ialah beriman kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan Rasul-Nya, dengan mengerjakan segala perintah dan juga meninggalkan apa jua yang dilarang.

Ayat seterusnya menjelaskan, barangsiapa yang memperjuangkan perniagaan ini, maka Allah Subhanahu Wata'ala akan mengampuni segala dosa-dosanya dan menyediakan

tempat bagi mereka di dalam syurga, yang mana mereka akan mendapat keberuntungan yang besar di sisi Allah Subhanahu Wata'ala.

Setelah itu, Yang Berhormat Menteri Pertahanan II selaku Pengerusi Perbadanan TAIB menyembahkan sembah alu-aluan, diikuti dengan sabda keberangkatan DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan seterusnya berkenan menyaksikan video korporat kedua-dua syarikat berkenaan.

Pada majlis tersebut, DYTM telah berkenan menyempurnakan penyampaian sijil penghargaan kepada dua orang kakitangan syarikat berkenaan yang telah berkhidmat selama 25 tahun iaitu Penolong Pengarah Urusan DHSB, Pengiran Hajah Noraini binti Pengiran Haji Sablon, dan Pengurus Kanan dari IITHSB Family Takaful, Dayang Hajah Nornaimah binti Haji Zainip.

Ke muka 8



DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan menyempurnakan penyampaian sijil penghargaan kepada pegawai dan kakitangan yang berkhidmat 25 tahun.



DYTM berkenan menyempurnakan penyampaian sumbangan derma kepada Pemegang Amanah Kanan Pusat Ehsan, Dato Paduka Mohd. Alimin bin Haji Abdul Wahab (kiri), manakala gambar kanan, antara Menteri-menteri Kabinet yang hadir pada majlis tersebut.





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dijunjung berangkat bagi sesi bergambar ramai bersama Ahli-ahli Lembaga Pengarah serta pengarah-pengarah dan ketua-ketua jabatan kedua-dua syarikat tersebut.

Dari muka 7

DYTM kemudian berkenan menyampaikan sumbangan derma kepada lima buah badan amal iaitu Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim (DANA) yang diserahkan kepada Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkihah (YSHHB), Dato Paduka Awang Eddie bin Dato Paduka Haji Sunny selaku Ketua Pegawai Eksekutif DANA; Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam yang diserahkan kepada Pemegang Amanah Kanan Pusat Ehsan, Dato Paduka Mohd. Alimin bin Haji Abdul Wahab;

Persatuan Kanak-Kanak Cacat (KACA) yang telah diterima oleh Pengarah Urusan KACA, Haji Abdul Alim bin Haji Awang Othman; Persatuan Orang-Orang Berkerusi Roda dan Orang-Orang Cacat Anggota (PAPDA) yang telah diterima oleh Penolong Pengerusi PAPDA, Awang Haji Sahari bin Haji Tinggal dan Persatuan Bagi Pengurusan Autisme Dalam Latihan, Pendidikan dan Sumber (SMARTER) Brunei yang di serahkan kepada Presiden SMARTER, Malai Haji Abdullah bin Malai Haji Othman.

Setiap badan-badan amal menerima sumbangan

sebanyak BND5,000 yang mana sumbangan-sumbangan berkenaan adalah projek berterusan Tanggungjawab Sosial dan Korporat kedua-dua buah syarikat berkenaan dalam menyokong badan-badan amal yang menjaga, mempeduli dan membantu golongan orang yang tidak berkemampuan dan golongan orang yang istimewa.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

DYTM kemudian dijunjung berangkat ke Ruang Legar bagi menyaksikan Pameran Perkembangan dan Pencapaian IITHSB dan DHSB.

Setelah itu, DYTM berkenan merasmikan pameran tersebut dan melancarkan produk-produk terbaharu IITHSB dan DHSB.

Pada akhir majlis, DYTM dijunjung berangkat bagi sesi bergambar ramai bersama Ahli-ahli Lembaga Pengarah serta pengarah-pengarah dan ketua-ketua jabatan kedua-dua

syarikat tersebut.

Seterusnya, DYTM berkenan beredar ke Dewan Santap bagi menandatangani lembaran kenangan dan berkenan menerima pesambah sempena Sambutan Jubli Perak IITHSB dan DHSB.

Sebelum berangkat meninggalkan ICC, DYTM juga berkenan menerima junjung ziarah daripada Ahli-ahli Lembaga Pengarah, para

pegawai dan kakitangan syarikat-syarikat tersebut.

Setentunya keberangkatan DYTM ke majlis tersebut melakar satu sejarah yang penuh bermakna dan menjadi ristaan sejarah terutama bagi kedua-dua buah syarikat dan negara.

Ia jelas mencerminkan keprihatinan mendalam DYTM akan perkembangan IITHSB dan DHSB yang sehingga kini telah pun mencecah usia 25 tahun.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan paduka adinda DYTM berkenan beredar ke Dewan Santap (kiri), manakala gambar kanan, DYTM berkenan mendengarkan sembah penerangan daripada Yang Dipertua SMARTER, Malai Haji Abdullah bin Malai Haji Othman mengenai aktiviti pelajar di bawah persatuan tersebut.



DYTM berkenan menandatangani lembaran kenangan (kiri), manakala gambar tengah, DYTM berkenan menerima junjung ziarah daripada Ahli-ahli PAPDA. Sementara gambar kanan, bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh johan Musabaqah Tilawah Al-Quran Belia Asia Tenggara Tahun 2011, Pengiran Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marjuki, manakala tafsiran ayat disampaikan oleh Awang Haji Adi Ismat bin Lamat.

Produk baharu DHSB, IITHSB dilancarkan



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat melancarkan produk-produk terbaharu Insurans Islam TAIB Holdings Sendirian Berhad dan Darussalam Holdings Sendirian Berhad (kiri). Manakala gambar kanan, Duli Yang Teramat Mulia ketika berkenan menandatangani plak.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat melancarkan produk-produk terbaharu Insurans Islam TAIB Holdings Sendirian Berhad (IITHSB), iaitu produk Pelan Takaful Khairat dan IIT Apps manakala Darussalam Holdings Sendirian Berhad (DHSB) melancarkan dua aplikasi mudah alih, iaitu iManasik Haji & Umrah dan iBrunei.

Mengiringi Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota ialah paduka adinda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Majlis Pelancaran Pameran Perkembangan dan Pencapaian IITHSB dan DHSB 25 Tahun diadakan sempena Majlis Sambutan Jubli Perak Penubuhan IITHSB dan DHSB berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa,

Berakas, di sini.

Pada majlis tersebut, DYTМ dijunjung untuk menyaksikan video ringkas mengenai produk-produk baharu dan mendengarkan sembah penerangan daripada Pengarah Urusan IITHSB, Awang Haji Osman bin Haji Muhammad Jair.

Pelan Takaful Khairat antaranya memberikan manfaat Takaful kepada peserta apabila berlaku kematian ke atas peserta akibat kemalangan atau penyakit. Manfaat Takaful adalah sebanyak BND5,000 dan sumbangan Takaful adalah sebanyak BND15 setahun bagi setiap peserta.

Individu yang layak menyertai ialah yang berumur di antara 18 hingga 65 tahun. Peserta yang mempunyai anak berumur di bawah 18 tahun boleh dilindungi di bawah satu pelan.

Pelan tersebut merupakan produk terbaharu, di mana pelan ini memberikan pampasan bantuan perbelanjaan kos-kos penebumian jika berlaku peserta yang dilindungi meninggal sama ada akibat daripada penyakit atau kemalangan dan IIT Apps yang memberikan maklumat

terperinci mengenai maklumat produk, tuntutan dan juga sebut harga bagi produk-produk IIT Family Takaful (IITFT) Sendirian Berhad dan IIT General Takaful (IITGT) Sendirian Berhad.

Manakala aplikasi mudah alih IIT Mobile memberikan kemudahan kepada para peserta IITFT Sendirian Berhad dan IITGT Sendirian Berhad; menyediakan maklumat mengenai produk-produk yang ditawarkan oleh IITFT dan IITGT; menyediakan garis panduan mengenai proses tuntutan daripada pihak IITFT dan IITGT; menyediakan kemudahan e-Quotation bagi peserta yang ingin menyertai produk Takaful yang tertentu ditawarkan oleh IITFT dan IITGT; menyediakan kemudahan maklum balas peserta bagi perkhidmatan dan juga produk yang ditawarkan oleh IITFT dan IITGT.

Sejurus itu, DYTМ dijunjung melawat ruang Pameran DHSB dan diberikan sembah penerangan oleh Pengarah Urusan DHSB, Awang Haji Mahmud bin Haji Mohamed mengenai aplikasi mudah alih DHSB, iaitu iManasik Haji & Umrah, memberikan maklumat

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hamzah Mohidin, Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

langkah dan tatacara mengerjakan ibadat haji dan umrah, manakala iBrunei memberikan maklumat mengenai keterangan tempat-tempat menarik dan tawaran Pakej Inbound kepada pelancong dalam atau luar negara.

Galeri pameran tersebut menggunakan maklumat-maklumat yang tercatat di dalam Buku Keluaran Khas 25 Tahun DHSB, Menelusuri Kegemilangan 25 Tahun yang mempamerkan perkembangan DHSB - bermula dari penubuhannya dari tahun 1993, bermula daripada titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada 8 Julai 1993, di mana tujuan asal penubuhan DHSB adalah untuk memeduli jemaah haji Negara Brunei Darussalam dengan menggantikan sistem Muassasah, empat buah hotel, tiga di Mekah dan satu di Madinah telah didirikan, iaitu Hotel Dallah Shubaikah, Hotel Dallah Ayyad, Hotel As Salam dan Dallah Taibah di Madinah. Pada masa ini, hanya ada dua hotel saja, iaitu Hotel Dallah Taibah (Madinah) dan Hotel Dallah Ayyad (Mekah) kerana Hotel Shubaikah dan As Salam telah diroboh untuk projek pembesaran kawasan Masjidil Haram.

Pakej Haji bermula pada tahun 1994 dengan keramaian jemaah haji permulaan sebanyak 2,642 orang dan dari tahun 1994 hingga 2018 sejumlah 24,781 jemaah haji telah menyertai Pakej Haji DHSB, manakala Pakej Umrah telah bermula pada tahun 1997 dengan jumlah keramaian jemaah dari tahun 1997 - 2018 mencecah sebanyak 26,017 jemaah umrah.

Kedua-dua Hotel Dallah Ayyad dan Dallah Taibah masih digunakan oleh DHSB dan juga untuk tempahan bilik dari seluruh dunia bagi Pakej Haji dan Umrah dan Pakej Outbound

bermula pada tahun 2001 bersama dengan penjualan tiket penerbangan bagi beberapa syarikat penerbangan rantau ini. Jumlah peserta inbound (pelancong yang datang ke negara ini) berjumlah 10,731 orang, manakala jumlah outbound (melancong keluar negara mengikuti Pakej DHSB) adalah seramai 3,809 orang. Secara keseluruhan jemaah haji, umrah, inbound dan outbound (1993 - 2018) adalah seramai 65,338 orang.

DHSB juga merupakan syarikat pertama yang mengendalikan perkhidmatan pembungkusan bagasi yang dipanggil 'Wrap n Fly' dari tahun 2010 sehingga 2016 dan DHSB juga mencapai beberapa pencapaian dan penghargaan dari Syarikat Penerbangan RB dan syarikat penerbangan lain serantau dengan memenangi beberapa penghargaan dan Hotel Taibah juga sejak kebelakangan ini memenangi beberapa anugerah dari World Luxury Hotel dan terbaharu pada 2018, di mana memenangi Award For Best General Manager in Saudi Arabia, Best Prime Location Hotel in Saudi Arabia dan memenangi Winner For Luxury Family All - Inclusive Hotel.

DYTМ seterusnya menyaksikan video klip haji 2018 selain brochure dan produk yang ditawarkan untuk orang ramai bagi Pakej Umrah dan outbound tour.

Juga menyertai pameran ialah Badan-badan Bukan Kerajaan terdiri daripada DANA Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim; Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam; Persatuan Kanak-Kanak Cacat (KACA); Persatuan Orang-Orang Berkerusi Roda dan Orang-Orang Cacat Anggota (PAPDA) dan Peratuan SMARTER Brunei.



DYTМ berkenan mendengarkan sembah penerangan daripada Pengarah Urusan Darussalam Holdings Sendirian Berhad, Awang Haji Mahmud bin Haji Mohamed.

Anakanda DPMM sertai enam acara renang



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat menyaksikan Kejohanan Renang ISB Sprints and Masters Kali Ke-3. Berangkat sama ialah anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 25 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat menyaksikan Kejohanan Renang Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB) Sprints and Masters Kali Ke-3 yang berlangsung di Kompleks Kolam Renang, ISB, di sini.

Berangkat sama ke kejohanan pada sebelah petang itu ialah anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah yang mewakili Hammerhead Swimming Club.

YTM Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah berkenan menyertai enam acara renang, iaitu Kategori 100 Meter (M) Gaya Bebas; 100M Kuak Dada; 50M Gaya Kupu-Kupu; 50M Gaya Bebas; 50M Kuak Dada dan 50M Kuak Lentang.

Bagi Kategori 100M Gaya Bebas, YTM berjaya mencatat masa 1:53.72 saat; 100M Kuak Dada YTM mencatat 2:20.76 saat; 50M Gaya Kupu-Kupu

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

YTM mencatat 1:02.35 saat; dan 50M Gaya Bebas YTM mencatat 51.75 saat manakala bagi Kategori 50M Kuak Dada YTM mencatat 1:06.15 saat; dan 55.61 saat catatan masa bagi 50M Kuak Lentang.

Seramai 139 perenang yang terdiri daripada 55 perenang perempuan dan 84 lelaki menyertai kejohanan yang mana kejohanan kali ini dianjurkan oleh Persatuan Renang Amatir Brunei (Brunei Amateur Swimming Association - BASA).

Kejohanan disertai oleh perenang-perenang berumur 7 hingga 9 tahun daripada kelab-kelab renang dari dalam dan luar negara di antaranya Brunei Speed Swimming Club, Hammerhead Swimming Club, Dolphin Swimming Club, Jerudong Swimming Club, Panaga Stingrays, Kelab Rekreasi Petroleum, P.S.I Swimming Club, Valle Varde Aqualasers Swim Club, Gymkhana Club Miri dan Labuan International School-ZZ.



YTM Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah ketika berangkat menyertai 50 Meter Gaya Kupu-Kupu.

YTM berjaya pecahkan empat rekod peribadi

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 25 November. - Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB) menganjurkan Kejohanan Renang Peringkat Umur 7 - 9 Tahun yang berlangsung pada sesi pagi di Kompleks Kolam Renang, ISB, di sini.

Berangkat menyaksikan kejohanan tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Antara yang turut menyertai kejohanan berkenaan ialah

anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah.

Pada kejohanan tersebut, YTM Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah yang mewakili Hammerhead Swimming Club

berkenan menyertai Kategori Perempuan di bawah 7 Tahun, 25 Meter (M) Kuak Lentang; Kategori Perempuan di bawah 7 Tahun, 25M Gaya Bebas; Kategori Perempuan di bawah 7 Tahun, 25M Kuak Dada; Kategori Perempuan di bawah 7 Tahun, 25M Gaya Kupu-Kupu dan Kategori Campuran di bawah 7 Tahun, 100M Gaya Bebas Berganti-ganti.

Bagi acara 25M Kuak Lentang, YTM berjaya menduduki tempat pertama dengan catatan masa terpanjang 25.41 saat, sekali gus berjaya memecahkan rekod peribadi YTM, sementara bagi acara 25M Gaya Bebas, YTM berjaya menduduki tempat ketiga dengan mencatatkan masa 22.76 saat yang juga turut berjaya memecahkan rekod peribadi YTM.

Manakala dalam acara 25M Kuak Dada, YTM sekali lagi berjaya menduduki tempat pertama dengan mencatatkan masa terpanjang 28.70 saat, sekali gus memecahkan rekod peribadi YTM, sementara bagi acara 25M Gaya Kupu-Kupu, YTM berjaya menduduki tempat kedua dengan catatan masa 27.27 saat, sekali gus turut memecahkan rekod peribadinya terdahulu.

Sebanyak 13 buah kelab renang dari dalam dan luar negara menyertai kejohanan tersebut,



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah ketika berangkat pada Kejohanan Renang Peringkat Umur 7 - 9 Tahun.

terdiri dari Hammerhead Swimming Club; Dolphin Swimming Club; Royal Brunei Recreation Club; P.S.I Swimming Club; Skim Latihan Renang Tutong; Kelab Rekreasi Petroleum; Hornbill School; Brunei Speed Swimming Club; Gymkhana Club Miri; Jerudong Swimming Club; Labuan International School - ZZ; Stingrays Swimming Club, Panaga dan Persatuan Renang Labuan.

Manakala antara kategori-kategori yang dipertandingkan bagi acara lelaki dan perempuan

pada kejohanan berkenaan ialah 50M Gaya Bebas; 25M Kuak Dada; 25M Kuak Lentang; 25M Gaya Bebas; 25M Gaya Kupu-Kupu dan Kategori Campuran 7 Tahun / 8 Tahun / 9 Tahun 100M Gaya Bebas Berganti-ganti.

Kejohanan renang berkenaan antara lain bertujuan untuk terus memupuk rasa minat dan daya saing para barisan perenang muda yang berpotensi untuk pergi lebih jauh dalam usaha untuk memantapkan lagi sukan renang di negara ini dan peringkat yang lebih tinggi.



YTM Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah yang mewakili Hammerhead Swimming Club ketika berangkat menyertai acara Kategori Perempuan di bawah 7 Tahun, 25 Meter Gaya Kupu-Kupu.

YTM sertai Cabaran Alpha RBAF 2018



Oleh : Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hamzah Mohidin

RIMBA, Ahad, 25 November. - Awang Mohd Samsul bin Zamri dan Lucy Scott masing-masing menyanggah gelaran johan Cabaran Individu 10 Kilometer (Km) Lelaki dan Wanita dalam Cabaran Alpha RBAF 2018 (The RBAF Alpha Challenge) dengan membawa pulang hadiah sebanyak BND500 bagi setiap seorang berserta piala.

Manakala kumpulan Awang Muhammad Shahrul bin Meyasin, Mardi bin Haji Matassim, Awangku Abdul Rahman bin Pengiran Ismail, Mohammad Badaruddin bin Haji Md. Sofian dan Abdul Malik bin Awang Hidup muncul johan Cabaran Berkumpulan 10Km dengan membawa pulang hadiah sebanyak BND2,500 berserta piala pada cabaran yang berlangsung di Pangkalan Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB), di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pemenang ialah Pemerintah TUDB, Brigadier Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Hamzah bin Haji Sahat yang menyempurnakan pelepasan Cabaran Individu Lelaki, Wanita dan Berkumpulan 10Km; 3Km dan 5Km.

Berkenan berangkat menyertai Cabaran Alpha RBAF 2018 bagi 3Km, paduka anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah,

Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim yang juga merupakan salah seorang pemenang hadiah cabutan bertuah.

Majlis juga diselenggarakan dengan penyampaian sumbangan derma kepada An Nur Harapan sebanyak BND2,500 yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis dan diterima oleh wakil dari An Nur Harapan.

Sementara itu, sumbangan derma sebanyak BND2,045 daripada orang awam untuk Dana Anak-Anak Yatim Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) disempurnakan oleh Pengarah Urusan D'Sunlit Sendirian Berhad, Jackson Ting dan menyerahkan kepada tetamu kehormat majlis.

Lebih 2,000 peserta menyertai Cabaran Alpha RBAF 2018 yang merupakan kali kedua ia diadakan dan dianjurkan oleh D'Sunlit Sendirian Berhad dengan kerjasama ABDB.

Peserta cabaran tersebut dapat menghadapi pelbagai cabaran dan halangan dengan 19 hambatan bagi Cabaran 10Km; 8 hambatan bagi Cabaran 5Km; dan 6 hambatan bagi Cabaran 3Km.

Cabaran dan halangan yang sukar tetapi pada masa yang sama memberikan keseronokan untuk keluarga, rakan dan rakan sekerja bagi menguji fizikal dan mental mereka dalam menakluki Cabaran Alpha RBAF 2018.



YANG Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ketika berkenan menerima hadiah cabutan bertuah ketika berangkat pada Cabaran Alpha RBAF 2018 (atas kiri). Sementara gambar kiri, Pemerintah Tentera Udara Diraja Brunei, Brigadier Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Hamzah bin Haji Sahat menyampaikan hadiah kepada johan Cabaran Berkumpulan.

Jumlah aset keseluruhan IITHSB kini mencecah BND229 juta

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hamzah Mohidin, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 November. - Penubuhan Insurans Islam Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) Holdings Sendirian Berhad (IITHSB) dan Darussalam Holdings Sendirian Berhad (DHSB) sepanjang 25 tahun telah pun menunjukkan perkembangan yang sangat membanggakan dengan menawarkan perkhidmatan kepada orang ramai secara alternatif berasaskan hukum syariah Islam bahkan menepati keperluan umat Islam, bukan sahaja di Negara Brunei Darussalam, malahan juga dari luar negara.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja

Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengerusi Perbadanan TAIB dalam sembah alu-aluan pada Majlis Sambutan Jubli Perak IITHSB dan DHSB yang berlangsung di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (ICC), di sini.

Menurut Yang Berhormat, IITHSB yang ditubuhkan pada 3 Mac 1993, hanya mempunyai empat orang tenaga kerja dan mula beroperasi dengan model perniagaan secara komposit di Bangunan Pusat Komersil, Bandar Seri Begawan dengan menawarkan produk-produk Pelan Takaful Gadai Janji dan Skim

Takaful Kenderaan Bermotor sahaja.

"Syukur alhamdulillah, IITHSB, kini sebagai sebuah syarikat pengendali takaful pertama di Negara Brunei Darussalam, telah menunjukkan, pencapaian cemerlang, dan mampu untuk melangkah ke tahap lebih jauh lagi. Kini perkembangan jumlah aset pada keseluruhannya, mencecah sebanyak BND229 juta, dengan rangkaian perkhidmatan operasinya, meliputi di seluruh negara. Berdasarkan Laporan Audit Kewangan 2017, jumlah bilangan peserta yang menyertai produk-produk takaful, kini mencapai lebih kurang 85 ribu penyertaan, yang mana majoritinya, adalah penyertaan skim takaful, kenderaan bermotor," ujarnya lagi.

IITHSB tambahannya, kini telah memiliki, dua buah anak syarikat iaitu Insurans Islam TAIB Family

Takaful Sdn. Bhd. dan Insurans Islam TAIB General Takaful Sdn. Bhd., yang ditubuhkan pada tahun 2014 dengan menawarkan produk-produk dan perkhidmatan takaful yang berlandaskan Syariah Islam.

Sejajar dengan landskap perniagaan yang kian mencabar jelasnya, penggunaan teknologi maklumat, berdaya maju dan terkini, adalah satu keutamaan dan ke arah itu, IITHSB telah melabur dalam jumlah yang besar, untuk meningkatkan penggunaan sistem digital.

Menyentuh mengenai warga kerja IITHSB, Yang Berhormat berkata, syarikat tersebut kini telah mencapai keramaian sehingga 189 orang, 99 peratus daripada jumlah tersebut adalah anak tempatan yang mana membuktikan bahawa syarikat tersebut juga telah turut sama menyumbang, kepada perkembangan sosio ekonomi

negara, dengan menyediakan peluang-peluang pekerjaan, terutamanya kepada anak-anak tempatan yang diberikan peluang untuk memperkembangkan pengetahuan, kepakaran dan kemahiran untuk manfaat kepada syarikat dan negara.

Yang Berhormat seterusnya menyebarkan bahawa, asas penubuhan DHSB adalah pada menjunjung titah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam agar sentiasa menjaga kesejahteraan dan memberikan keselesaan kepada setiap para jemaah haji semasa berada di Tanah Suci.

Murid TASKA YSHHB terima Sijil Akademik



YANG Amat Mulia Pengiran Anak Hamidah Jamalul Bulqiah binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Abdul 'Ali Yil-Kabier bin Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz ketika berangkat pada Majlis Penyampaian Sijil Akademik dan Konsert Taman Asuhan 2 dan 3, Taman Asuhan Kanak-Kanak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (TASKA YSHHB) sesi pagi (kiri). Sementara gambar kanan, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Abdul Badee' bin Pengiran Kerma Raja Pengiran Anak Haji Kamarulzaman dan isteri berangkat pada sesi petang Majlis Penyampaian Sijil Akademik tersebut.

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 November. - Seramai 191 orang murid daripada Taman Asuhan 2 dan 202 orang murid Taman Asuhan 3 telah mengikuti Majlis Penyampaian Sijil Akademik dan Konsert Taman Asuhan 2 dan 3, Taman Asuhan Kanak-Kanak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (TASKA YSHHB) yang berlangsung di dewan sekolah tersebut, di sini.

PENGERUSI Muhammad Abdul Haadee Mubasheer bin Pengiran Anak Abdul Badee' dari Taman Asuhan 3 Merah semasa menerima Anugerah Pencapaian Terbaik.

Acara tersebut dibahagikan kepada dua sesi, iaitu sesi pagi untuk murid-murid Taman Asuhan 2 dan sesi petang untuk murid-murid Taman Asuhan 3.

Pada Majlis Penyampaian Sijil Akademik dan Konsert Taman Asuhan 2, hadir selaku tetamu kehormat ialah Penolong Pengarah Urusan 1, YSHHB, Awang Haji Mustafa bin Haji Matahir.

Turut berangkat ialah Yang Amat Mulia Pengiran Anak Hamidah Jamalul Bulqiah binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah; Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Abdul

'Ali Yil-Kabier bin Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz dan Pengiran Anak 'Alisha Husnara Jaida Bulqiah binti Pengiran Anak Haji Abdul 'Ali Yil-Kabier dari Taman Asuhan 2 Biru.

Manakala pada sesi petang, hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pengarah Urusan YSHHB, Dato Paduka Awang Eddie bin Dato Paduka Haji Sunny.

Juga berangkat ialah Yang Amat Mulia Pengiran Anak Abdul Badee' bin Pengiran Kerma Raja Pengiran Anak Haji Kamarulzaman dan isteri; serta Pengiran Muhammad Abdul Haadee Mubasheer bin Pengiran Anak Abdul Badee' dari Taman Asuhan 3 Merah.

Pada kedua-dua majlis tersebut, murid-murid yang terpilih daripada kelas masing-masing telah menerima anugerah pencapaian terbaik (Best Achievement Award) dan Kemajuan Terbaik (Best Progress Award) bagi menghargai usaha dan kecemerlangan mereka di atas pencapaian di dalam kelas.

Acara diteruskan dengan konsert yang membawa tema Nabi Muhammad, Idolaku bagi murid-murid Taman Asuhan 2 dan tema Ibu bagi murid-murid Taman Asuhan 3.

Majlis antara lain bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada murid-murid untuk meningkatkan keyakinan diri masing-masing apabila berada di atas pentas dan di khalayak ramai.

Di samping itu, ia bertujuan untuk memberikan penghargaan kepada murid-murid di atas usaha dan kegigihan mereka di dalam bidang akademik dan secara keseluruhan (holistik).

Lebih 50 pelajar cemerlang SM YSHHB terima hadiah



PENGERUSI Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah berkenaan, Dato Paduka Haji Shofry bin Haji Abdul Ghafor ketika menyampaikan hadiah kepada Pengiran Nur Aabidah Syifa binti Pengiran Anak Haji Mohammed Al-Mokhtar (kiri) dan kepada Aasiyah Rabiatal Masna binti Yusrin (kanan).

Berita dan Foto :
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 November. - Lebih 50 pelajar cemerlang Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SM YSHHB)

menerima hadiah masing-masing pada Majlis Penyampaian Hadiah Kecemerlangan Akademik dan Ko-Kurikulum 2018 yang berlangsung di Dewan Serbaguna

SM YSHHB.

Antara anugerah yang disampaikan adalah Pelajar Terbaik Dalam Kegiatan Luar (CCA), Terbaik Dalam Mata Pelajaran, Terbaik Tiga Teratas dan Terbaik Membaca.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah ialah Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG)

sekolah berkenaan, Dato Paduka Haji Shofry bin Haji Abdul Ghafor.

Antara yang menerima anugerah ialah cucunda-cucunda Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Pengiran Nur Aabidah Syifa binti Pengiran Anak

Haji Mohammed Al-Mokhtar dan Aasiyah Rabiatal Masna binti Yusrin.

Terdahulu, Pengetua SM YSHHB, Chong Li Chen dalam ucapan alu-aluannya menyeru para pelajar agar mendedikasikan diri mereka untuk tahun hadapan yang lebih baik dan sentiasa membuat yang terbaik walau tiada sesiapa pun yang melihat.

Beliau juga menasihati para pelajar agar belajar dengan bersungguh-sungguh kerana mereka melabur untuk diri sendiri dengan setiap buku yang dibaca dan setiap ujian yang diambil.

Majlis turut diserikan dengan tayangan klip video yang memaparkan aktiviti-aktiviti sekolah dan persembahan koir daripada pelajar-pelajar SM YSHHB.

Majlis itu adalah sebagai menghargai usaha keras para pelajar dalam aktiviti-aktiviti akademik dan ko-kurikulum mereka bagi tahun 2018 dan menyuntik motivasi kepada pelajar lain untuk berusaha lebih kuat dalam mencapai kecemerlangan di sekolah.

Turut hadir ialah Ketua Pegawai Eksekutif Sekolah YSHHB, Awang Noorhaizam bin Haji Mohd. Mosbi dan para ibu bapa serta penjaga pelajar yang menerima anugerah.

Pertandingan Pidato perkasakan penggunaan bahasa Melayu



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong semasa berucap pada Peringkat Akhir Pertandingan Pidato Bahasa Melayu sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-20 Penubuhan Persatuan Hokkien Brunei Darussalam (kiri). Sementara gambar kanan, Setiausaha Tetap (Bandaran dan Daerah), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Salmin bin Haji Burut selaku wakil Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyampaikan hadiah kepada juara Kategori 'B', Yong Shan Ren dari Sekolah Menengah Chung Hwa Bandar Seri Begawan.

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 November. - Ardan Lee Hao dari Kategori 'A' dan Yong Shan Ren dari Kategori 'B', kedua-duanya dari Sekolah Menengah Chung Hwa Bandar Seri Begawan, masing-masing dinobatkan sebagai johan pada Peringkat Akhir Pertandingan Pidato Bahasa Melayu Sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-20 Penubuhan Persatuan Hokkien Brunei Darussalam.

Tempat kedua bagi kategori yang sama masing-masing dimenangi oleh Abdul Hakeem bin Abdul Rahman dari Sekolah

Menengah Chung Hwa Kuala Belait dan Flora Ngu Jian Ying dari Sekolah Menengah Chung Hwa BSB, manakala Ling Yi Zhen dan Lau Yi Wen, kedua-duanya juga dari Sekolah Menengah Chung Hwa BSB pula menerima tempat ketiga dalam kategori masing-masing.

Pertandingan Pidato Bahasa Melayu berlangsung di Dewan Raya, Radio Televisyen Brunei (RTB) dan merupakan julung kali diadakan dengan kerjasama Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja dan RTB serta dibukakan

kepada sekolah-sekolah rendah dan menengah swasta di seluruh negara khususnya masyarakat Tiong Hua.

Pertandingan bertemakan 'Negaraku Brunei Darussalam' tersebut diadakan untuk mengukuhkan lagi kefahaman dan pengalaman cara hidup Melayu Islam Beraja khususnya dari segi kefahaman dan kefasihan dalam penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara, di samping mengukuhkan lagi semangat patriotik dalam kalangan masyarakat Tiong Hua di negara ini.

Empat kategori telah dipertandingkan, iaitu Kategori 'A' bagi murid Tahun 4 hingga 6,

manakala Kategori 'B' pula bagi pelajar Tahun 7 hingga 10. Kategori 'C' dibukakan kepada pemegang Kad Pintar Brunei Darussalam berbangsa Tiong Hua, manakala Kategori 'D' dibukakan kepada ahli-ahli Persatuan Tiong Hua yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

Sebanyak 59 penyertaan telah diterima sebelum mempertandingkan lima peserta terbaik setiap kategori pada peringkat akhir.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Dalam ucapannya, Yang Berhormat menzahirkan harapan agar para peserta dapat melihat diri masing-masing sebagai ejen pemangkin kepada mendukung dan memperluaskan lagi penggunaan bahasa Melayu melalui komuniti masing-masing dan seterusnya membuat perubahan dari satu peringkat ke peringkat yang lebih meluas ke arah memperkasakan penggunaan bahasa Melayu.

"Dalam hubungan ini, bahasa Melayu memainkan peranan penting bukan sahaja sebagai alat komunikasi tetapi juga sebagai alat atau media pengucapan adat dan budaya yang berfungsi dalam mengujudkan suasana kehidupan yang dinikmati masa ini," tambah Yang Berhormat.

Terdahulu, ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Pengerusi Persatuan Hokkien, Lim Han Chiong selaku Pengerusi Majlis yang antara lain melahirkan pendapat persatuan tersebut yang mengatakan bahawa Pidato boleh saja disampaikan dalam apa jua bahasa tetapi dalam hubung kait untuk menyebarkan dan memperkukuhkan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat Tiong Hua, Pertandingan Pidato di khalayak ramai merupakan cara paling mudah untuk memahami perkara atau isu yang disampaikan.

Hadiah kepada pemenang-pemenang telah disampaikan oleh Setiausaha Tetap (Bandaran dan Daerah), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Salmin bin Haji Burut selaku wakil kepada tetamu kehormat.

Jejaki hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin menyampaikan sumbangan derma kepada golongan-golongan tertentu yang terdiri daripada saudara-saudara baharu, Orang Kelainan Upaya (OKU), anak-anak yatim dan golongan kurang berkemampuan (kiri). Manakala gambar kanan, persembahan nyanyian nasyid daripada anak-anak yatim.

Berita dan Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 November. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan jabatan-jabatan di bawahnya dengan kerjasama Kumpulan Meraih Barkah telah mengadakan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1440 Hijrah bersamaan 2018 Masihi pada majlis yang berlangsung di Dewan Digadong, KKBS.

Hadir pada majlis tersebut, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Turut hadir, Setiausaha Tetap KKBS, Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil; pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan KKBS dan jabatan-

jabatan di bawahnya.

Majlis diteruskan dengan penyampaian derma daripada Kumpulan Meraih Barkah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan kepada golongan-golongan tertentu terdiri daripada saudara-saudara baharu, Orang Kelainan Upaya (OKU) Pusat Bahagia; anak-anak yatim dan golongan orang susah.

Acara diteruskan dengan persembahan tausiyah daripada Beliawanis Meraih Barkah bersama anak-anak yatim dan kemudian diteruskan dengan

ceramah khas bertajuk 'Jejaki Hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam' yang disampaikan oleh Penolong Kaunselor Penjara dari Jabatan Penjara, Awang Fariszal bin Ali.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat yang dipimpin oleh Awang Fariszal.

Majlis seumpama ini merupakan aktiviti tahunan KKBS dalam sama-sama memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dalam menyemarakkan dan menyebarkan lagi syiar Islam di negara ini.

Di samping acara di atas juga turut diadakan pameran yang menentangahkan usaha dan aktiviti belia-belia dari Kumpulan Meraih Barkah, produk-produk dari Pusat Bahagia Jabatan Pembangunan Masyarakat dan produk-produk dari Kampung Sungai Bunga.

Pameran ini akan diadakan selama tiga hari bermula hari ini dan disambung Isnin, 26 hingga Selasa, 27 November 2018 mulai jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan 2.00 hingga jam 4.00 petang di Dewan Digadong, KKBS.



IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI www.recruitment.gov.bn

PERATURAN 7(A)

BILANGAN IKLAN 77/11/18 (SPA/BIKL)

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH IKLAN: 26 NOVEMBER 2018

TARIKH TUTUP: 10 DISEMBER 2018

<p>1. TUKANG MASAK RANCANGAN PERMAKAMAN SEKOLAH F.1-2-3 EB.4 BAHAGIAN V JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN KEKOSONGAN = 03</p>	<p>2. KETUA PEMBANTU TEKNIK C.3-4 EB.5 BAHAGIAN III JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK KEMENTERIAN TENAGA (TENAGA DAN TENAGA MANUSIA) DAN PERINDUSTRIAN KEKOSONGAN = 01</p>	<p>3. PENDAFTAR TANAH C.3-4 EB.5 BAHAGIAN III JABATAN TANAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KEKOSONGAN = 01</p>
<p>4. PENYELIA LANDASAN LAPANGAN TERBANG C.1-2 EB.3 BAHAGIAN III JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PERHUBUNGAN KEKOSONGAN = 01</p>	<p>5. PEGAWAI IMIGRESEN D.1-2-3 EB.4-5 BAHAGIAN IV JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN KEKOSONGAN = 06</p>	<p>6. PEMBANTU TEKNIK D.1-2-3 EB.4-5 BAHAGIAN IV JABATAN-JABATAN KERAJAAN KEKOSONGAN = 03</p>
<p>7. PEMBANTU MAKMAL M.3 EB.4 BAHAGIAN IV JABATAN PERKHIDMATAN SAINTIK KEMENTERIAN KESIHATAN KEKOSONGAN = 01</p>	<p>8. PEMBANTU MAKMAL M.3 EB.4 BAHAGIAN IV JABATAN PERKHIDMATAN MAKMAL KEMENTERIAN KESIHATAN KEKOSONGAN = 02</p>	<p>9. PELATIH PEMBANTU TEKNIK D.1-2 BAHAGIAN IV JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK KEMENTERIAN TENAGA (TENAGA DAN TENAGA MANUSIA) DAN PERINDUSTRIAN KEKOSONGAN = 04</p>

PERATURAN 38(A)

BILANGAN IKLAN 84/2018 (SPA/BIKL)

Khusus bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH IKLAN: 26 NOVEMBER 2018

TARIKH TUTUP: 17 DISEMBER 2018

<p>1. PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS KANAN SUPERSCALE A/B/C /KUMPULAN 1/2/3 BAHAGIAN I KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KEKOSONGAN = 01</p>

UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan *Announcement* di www.recruitment.gov.bn

HELPLINE:

TALIAN DARUSSALAM 123



KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

1. BILANGAN SEBUT HARGA :
KSSUP / BPK / SH / 08 / 2018-2019

TAJUK SEBUT HARGA :
SUPPLY, INSTALL TESTING AND COMMISSIONING 3 PH INDUCTION MOTOR FOR KITCHEN'S CANTEEN DUCTING'S OF MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM BUILDING

2. BILANGAN SEBUT HARGA :
KSSUP / BPK / SH / 09 / 2018-2019

TAJUK SEBUT HARGA :
SUPPLY AND INSTALL HEAVY DUTY CARPET AT SECRETARY OFFICE'S AREA AT 4TH FLOOR OF MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM BUILDING

TARIKH TUTUP MENGAMBIL BORANG

SEBUT HARGA :
ISNIN, 10 DISEMBER 2018
JAM : 9.00 PAGI

TARIKH TAKLIMAT :
ISNIN, 10 DISEMBER 2018
JAM : 9.30 PAGI

TARIKH TUTUP SEBUT HARGA :
KHAMIS, 13 DISEMBER 2018
JAM : 2.00 PETANG

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dihadapakan kepada

alamat berikut :

Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan Tingkat Bawah, Bangunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan Jalan Menteri Besar, BB3910 Negara Brunei Darussalam.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dalam sampul surat yang bertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bilangan / tajuk tawaran dan tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan identiti syarikat / pembekal.

4. Dokumen-dokumen dan borang-borang tawaran serta keterangan lanjut bolehlah diperoleh dari Unit Pemeliharaan Aset, Bahagian Pengurusan dan Kewangan tingkat 4, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Jalan Menteri Besar, Negara Brunei Darussalam.

5. Harga dokumen tawaran akan dikenakan sebanyak BND10.00 (tidak dikembalikan) bagi setiap tawaran pada waktu berkerja :

Isnin hingga Khamis
8.30 Pagi hingga 11.30 Pagi
2.00 Petang hingga 3.00 Petang
Sabtu
8.30 Pagi hingga 10.30 Pagi

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah.

7. Salinan sijil pendaftaran perniagaan dan salinan kad pengenalan hendaklah disertakan bersama.



JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

BIL. TAWARAN :
JAPEM / T / PUSAT BAHAGIA / BARANG KERING / 2018 / 03

PERKARA :
PEMBEKALAN BAGI RANCANGAN PEMAKANAN PUSAT BAHAGIA, PULAI (BARANG KERING - KEPERLUAN DAPUR) BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN

Syarat-Syarat Tawaran :

1. DOKUMEN-dokumen tawaran dan penerangan lanjut bolehlah diperoleh semasa waktu pejabat, di Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Tingkat 2, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan.

2. Bayaran *tender fee* sebanyak BND10.00 (tidak dikembalikan) akan dikenakan kepada pemborong-pemborong yang memasuki tawaran ini dan hendaklah dijelaskan ke Bahagian Hasil, Tingkat 2, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan salinan resit pembayaran tersebut hendaklah disertakan bersama borang tawaran. Tarikh terakhir menerima pembayaran ialah pada **Isnin, 10 Disember 2018**.

3. Borang tawaran mestilah dihadapakan dalam sampul surat yang bertutup rapi tanpa menunjukkan identiti atau logo syarikat, tetapi hendaklah menyatakan BILANGAN, TAJUK TAWARAN & TARIKH TUTUP TAWARAN DENGAN JELAS dan hendaklah dihantar serta dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di alamat :

PETI SEBUT HARGA, TINGKAT 2, JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT, BANGUNAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN SIMPANG 336-17 JALAN KEBANGSAAN BANDAR SERI BEGAWAN, BC4415.

4. Tawaran hendaklah sampai ke alamat seperti yang dinyatakan tidak lewat pada **Selasa, 11 Disember 2018, jam 2.00 Petang** dan tawaran yang lewat diterima dari tarikh seperti yang telah dinyatakan tidak akan dilayan.

Para penender yang berhasrat menyertai tawaran ini adalah disaran untuk mendapatkan maklumat dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran.



JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA

TAWARAN KASTAM 20 / 2018 TAWARAN UNTUK MEMBEKAL CATUAN BARANGAN MAKANAN BAGI JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA, JALAN MENTERI BESAR, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SYARAT-SYARAT TAWARAN :

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang mempunyai lesen perkhidmatan pembekalan makanan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam yang masih sah.

2. Tempoh bagi tawaran perkhidmatan ini adalah selama **enam (6) bulan**.

3. Hendaklah menyertakan profil syarikat dan pengalaman dalam pekhidmatan pembekalan makanan kepada kerajaan sebelumnya dan hendaklah menyertakan dokumen-dokumen yang berkaitan (salinan surat lantikan).

4. Hendaklah menyatakan tempoh sah laku tawaran yang dihadapakan.

5. Sebut Harga hendaklah dalam matawang ringgit Brunei (BND).

6. Borang-borang dan penerangan lanjut mengenai dengan tawaran ini bolehlah diperoleh dari bahagian Unit Perkhidmatan Kewangan, Tingkat 3, Ibu Pejabat Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja, Jalan Menteri Besar, Negara Brunei Darussalam.

7. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Sebut Harga Kastam yang terletak di Lantai Dasar, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jalan Menteri Besar, Negara Brunei Darussalam tidak lewat pada **Selasa, 4 Disember 2018, jam 2.00 Petang**.

Tawaran hendaklah di tulis seperti berikut :

SULIT - BILANGAN TAWARAN : KASTAM 20 / 2018

TAWARAN UNTUK MEMBEKAL CATUAN BARANGAN MAKANAN BAGI JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA, JALAN MENTERI BESAR, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

8. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang ditetapkan di atas tidak akan dilayan.

MAJLIS ILMU 2018

SAMBUTAN PERAYAAN HARI KEPUTERAAN
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM YANG KE-72 TAHUN

سيكتور قرتانين، سور فينوا بيليتي بعسادان نكارا

SEKTOR PERTANIAN: SURVIVABILITI BANGSA DAN NEGARA

Bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas

HARI SELASA

19 RABIULAWAL 1440H
27 NOVEMBER 2018M

- MAJLIS PERASMIAN MAJLIS ILMU (SESI PAGI)
- CERAMAH KHAS MAJLIS ILMU
- SEMINAR MAJLIS ILMU (SESI PETANG)
1.30 PETANG HINGGA 4.30 PETANG

HARI RABU

20 RABIULAWAL 1440H
28 NOVEMBER 2018M

- FORUM PERDANA MAJLIS ILMU (SESI PAGI)
TAJUK FORUM:
SEKTOR PERTANIAN: SURVIVABILITI BANGSA DAN NEGARA
- SEMINAR MAJLIS ILMU (SESI PETANG)
1.30 PETANG HINGGA 4.30 PETANG

HARI KHAMIS

21 RABIULAWAL 1440H
29 NOVEMBER 2018M

- CERAMAH PERDANA MAJLIS ILMU (SESI PAGI)
TAJUK CERAMAH:
WANITA SEBAGAI PENDOKONG ASPIRASI
NEGARA DALAM BIDANG PERTANIAN
- SEMINAR MAJLIS ILMU (SESI PETANG)
1.30 PETANG HINGGA 4.30 PETANG

HARI SELASA - KHAMIS

19-21 RABIULAWAL 1440H
27-29 NOVEMBER 2018M

HARI JUMAAT - ISNIN

22-25 RABIULAWAL 1440H
30 NOVEMBER HINGGA
3 DISEMBER 2018M

PAMERAN MAJLIS ILMU 2018

- 2.00 PETANG HINGGA 5.00 PETANG
- 9.00 PAGI HINGGA 5.00 PETANG
9.00 PAGI HINGGA 12.00 TENGAHARI (Hari Jumaat)
DAN 2.00 PETANG HINGGA 5.00 PETANG

PAMERAN TERBUKA
BAGI KUNJUNGAN
ORANG RAMAI

Penganjur Bersama:

Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian

Mantan penuntut PTE Klasik anjur Majlis Khatam Al-Quran



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong (dua, kiri) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof (tengah) yang merupakan Penasihat-penasihat Bersama AJK Penyelenggara Majlis Khatam Al-Quran Pusat Tingkatan Enam (PTE) Klasik, Jalan Muara semasa hadir pada Majlis Khatam Al-Quran sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam 1440 Hijrah / 2018 Masihi.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Hamzah Mohidin

JERUDONG, Ahad, 25 November. - Lebih kurang 200 mantan penuntut Pusat Tingkatan Enam (PTE) Klasik, Jalan Muara menghadiri Majlis Khatam Al-Quran sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam 1440 Hijrah / 2018 Masihi yang berlangsung di Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong, di sini.

Majlis Khatam Al-Quran tersebut diungkuhkan oleh mantan-mantan penuntut PTE, Jalan Muara dari tahun 1975 hingga 1978 dengan hasrat dan tujuan ke arah mengukuhkan dan mengeratkan tinta hubungan

silaturahmi dalam kalangan mantan-mantan penuntut PTE Klasik, Jalan Muara.

Antara yang menghadiri majlis tersebut ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof yang merupakan Penasihat-penasihat Bersama AJK Penyelenggara Majlis Khatam Al-Quran PTE Klasik, Jalan Muara sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi

Wasallam 1440H / 2018M.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Yang Berhormat Menteri Pertahanan II merupakan mantan penuntut PTE, Jalan Muara, tahun 1975 hingga 1978.

Juga hadir dan diundang sama, mantan-mantan penuntut PTE terdiri daripada Tuan Yang Terutama Duta Besar Negara Brunei Darussalam; mantan-mantan Setiausaha Tetap; dan mantan-mantan Pengetua dan mantan-mantan Guru PTE, Jalan Muara, yang mana mereka ini merupakan golongan pendidik yang telah menabur jasa dan bakti sehingga mampu melahirkan golongan cendekiawan dan cerdik pandai, sehingga ada daripada kalangan mantan-mantan penuntut berkenaan memegang beberapa

jawatan penting dalam pentadbiran kerajaan, termasuk dilantik menjadi Menteri-menteri Kabinet, anggota keselamatan beruniform dan syarikat-syarikat korporat dalam membawa mercu pembangunan dan kegemilangan kepada Negara Brunei Darussalam.

Pada majlis itu juga, mantan-mantan Pengetua dan Guru PTE, Jalan Muara turut menerima cenderahati yang disempurnakan penyampaiannya oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Menteri Pertahanan II.

Hadir sama menyerikan lagi majlis yang penuh bersejarah dan bermakna tersebut ialah mantan-mantan penuntut lelaki dan perempuan PTE Klasik, Jalan Muara 1975 hingga 1978.

Terdahulu, Majlis Khatam

Al-Quran dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, dikepalai oleh Imam Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Awang Haji Kamaruzzaman bin Haji Jakar.

Majlis diikuti dengan bacaan Khatam dan Takhtim Al-Quran didahului oleh Awang Haji Zainal Ariffin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Sirat.

Acara kemudiannya disusuli dengan bacaan Tahlil dan Doa Tahlil yang dipimpin oleh Awang Haji Yakob bin Haji Yusof dan diikuti dengan Dikir Asraqal yang diketuai oleh Awang Raduan bin Jamil.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Imam Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Awang Haji Kamaruzzaman.

Jumlah aset keseluruhan IITHSB kini mencecah BND229 juta

Dari muka 11

Menurut Yang Berhormat, ini membuktikan betapa keprihatinan baginda dalam menegakkan syiar Islam, khususnya pada menjaga perjalanan manasik haji rakyat baginda dalam keadaan yang teratur dan selesa.

"Pada awal penubuhannya bermula tahun 1993, dengan hanya mempunyai tenaga kerja seramai empat orang sahaja, misi Darussalam Holdings, ditumpukan pada membantu pengurusan jemaah haji. Alhamdulillah pada masa ini, tenaga kerja Darussalam Holdings yang sudah berjumlah 58 orang adalah 100 peratus anak-anak tempatan. Dibahagikan kepada beberapa jabatan, diterajui oleh pegawai-pegawai dan kakitangannya, yang cukup berpengalaman. Alhamdulillah dengan pengalaman dan semangat yang padu, serta kepercayaan masyarakat telah membantu

menaikkan prestasi perkhidmatan Darussalam Holdings sehingga berjaya menjalankan perkhidmatan haji secara pakej," ujarnya lagi.

Tambahnya, pada masa ini, meskipun bilangan jemaah haji telah dihadkan mengikut kuota-kuota yang ditentukan, namun perkara tersebut tidak menjejaskan pasaran DHSB.

Kesan daripada itu jelasnya, menampakan positif dengan pertambahan bilangan masyarakat Brunei, menjadikan trend berziarah ke Tanah Suci menunaikan ibadah Umrah, terutama sekali, di musim-musim cuti persekolahan."Melihat kepada pasaran sektor pelancongan yang semakin meningkat pada tahun 2001, Darussalam Holdings telah mengembangkan sayapnya, kepada bidang pelancongan dan pengembaraan berkonsepkan pelancongan Islam (Islamic Tourism). Perkhidmatan yang ditawarkan merangkumi kepada

tempahan tiket-tiket penerbangan dan hotel keseluruh dunia dan pakej-pakej melancong keluar negeri dan dalam negeri. Ini menjadikan, Darussalam Holdings sebagai salah sebuah ejen pelancongan yang komprehensif. Pada masa yang sama juga, berperanan membantu mengembangkan sektor pelancongan di negara ini, untuk menarik pelancong-pelancong luar negara datang berkunjung. InsyaaAllah, usaha-usaha kearah itu, sedang dan akan terus dipertingkatkan dan mantapkan," sembah Yang Berhormatlagi.

Kepercayaan rakyat Negara Brunei Darussalam jelasnya, terhadap pengurusan haji DHSB adalah sangat menggalakkan dan ini terbukti dengan jumlah peratus jemaah haji, yang mengikuti Pakej Darussalam pada setiap tahun adalah melebihi 70 peratus daripada jumlah kuota haji yang diperuntukkan.

Melalui tanggungjawab Sosial

Korporat (CSR) Perbadanan TAIB, IITHSB dan DHSB katanya, sentiasa berganding bahu terus menerus mengambil peranan penting pada menyumbang bakti kepada masyarakat, terutamanya kepada kumpulan tertentu dan kurang berkemampuan dengan hasrat untuk memperkasa dan menaikkan lagi tahap pendapatan dan taraf kehidupan mereka.

Sempena sambutan bersejarah ini jelasnya, sebagai tanda kenangan dan tujuan ristaan, IITHSB dan DHSB mengabadikan perjalanan 25 tahun ini dengan menerbitkan buku kenangan yang mana masing-masing dinamakan buku "Mensyukuri Keamanan" bagi IITHSB dan buku "Menelusuri Kegemilangan 25 Tahun" bagi DHSB, yang mana pengisian buku-buku berkenaan adalah mendokumentasikan perjalanan dan perkembangan serta pencapaian kedua-dua buah syarikat.



MENTERI Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengerusi Perbadanan TAIB dalam sembah alu-aluan pada Majlis Sambutan Jubli Perak IITHSB dan DHSB yang berlangsung di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Rakyat jelata bertanggungjawab pertahankan keamanan

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 25 November. - Nikmat keamanan itu merupakan suatu yang sangat diidamkan dan dihajati namun seringkali dilupakan dan dipandang ringan.

Maka di sini, angkatan tentera itu harus ada selaku lapisan pertama benteng pertahanan keamanan sesebuah negara.

Walau bagaimanapun, keberadaan tentera belum juga dapat menjamin keamanan sesebuah negara itu kerana terdapat sebahagian negara yang huru hara, rakyatnya menderita akibat tindasan pihak tentera yang tidak berhati perut dan erperikemanusiaan.

Pegawai Operasi Agama, Jabatan Agama, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) di Kementerian Pertahanan, Kapten Mohammad Ayza Azrine bin Ayahani, yang juga Da'ie Bertauliah MUIB menjelaskan demikian dalam tazkirahnya berlangsung di Masjid Omar 'Ali Saifuddien sejurus menunaikan Sembahyang Fardu Subuh, di sini.

Tazkirah 'Tanggungjawab Mempertahankan Keamanan Negara' itu juga menerangkan, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasalam telah menggambarkan ciri-ciri terbaik tentera melalui hadis Baginda "Sungguh Konstantinopol akan ditaklukkan dan sebaik-baik pemimpin adalah pemimpin tentera (yang menaklukkannya) itu dan



MENTERI Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Mokti; Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan semasa hadir mendengarkan Tazkirah Subuh tersebut.

sebaik-baik tentera adalah tentera itu."

Kapten Mohammad Ayza Azrine menambah, pemimpin yang dimaksudkan Baginda ialah Sultan Muhammad Al-Fatih yang mana tenteranya telah berjaya menakluki kota Konstantinopol dengan keimanan yang kuat.

Di samping tentera, tambahnya, rakyat jelata juga bertanggungjawab mempertahankan keamanan sesebuah negara itu. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-A'raf, ayat 96 yang kira-kira bermaksud "Sekiranya penduduk negeri itu beriman serta bertakwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengummaan) yang melimpah-limpah berkatnya dari langit dan bumi."

Bolehlah difahami melalui ayat tersebut bahawa iman dan takwa itu sudah tentu akan mendatangkan kurnia yang melimpah-ruah termasuklah nikmat keamanan dan kesejahteraan.

"Rakyat juga hendaklah terus berdo'a dan menjauhi perkara maksiat agar bala itu tidak turun menimpa negara," katanya lagi. Terdahulu, Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Mudim Awang Haji Amran bin Haji Mohd. Salleh.

Hadir mengimarahkan acara minggu ini ialah Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri di Jabatan Perdana

Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Juga hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Uagama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Mejar Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri

Aminan bin Pengiran Haji Mahmud serta Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Tazkirah tersebut merupakan perisian acara 'Masjidku Makmur, Negara Berkat' yang turut memberikan peluang kepada para pengunjung bersempena acara Bandarku Ceria dalam memulakan langkah dan keceriaan hari mereka dengan meraih keberkatan melalui partisipasi menunaikan tuntutan sembahyang fardu secara berjemaah dan merebut ganjaran pahala melalui bacaan wirid-wirid selepas sembahyang dan kegiatan keagamaan yang telah diaturkan.

ABDB serah sumbangan bagi TKBS, lancar Tabung Dana Anak-Anak Yatim ABDB



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Aminan bin Pengiran Haji Mahmud melancarkan Tabung Dana Anak-Anak Yatim ABDB.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 25 November. - Tabung Kemanusiaan Bencana Sulawesi (TKBS) menerima sumbangan derma berjumlah BND10,000

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Hj Ahmad
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said

daripada Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Majlis penyerahan derma diadakan pada Acara Riadah Berbasikal 57Km sempena Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (HUT ABDB) Ke-57 di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien.

Sumbangan diserahkan oleh Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin selaku Penasihat Bersama bagi Jawatankuasa Kebangsaan TKBS.

Majlis diselenggarakan dengan penyampaian hadiah bagi Acara Lumba Basikal 100Km di antara Unit ABDB bagi tahun 2018 yang

diadakan di Bolkliah Garison pada 12 November lalu.

Sebanyak dua kategori dipertandingkan, iaitu Kategori Berkumpulan dan Individu.

Penyampaian hadiah bagi Kategori Berkumpulan disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan II, manakala hadiah bagi Kategori Individu disempurnakan oleh Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Aminan bin Pengiran Haji Mahmud.

Bagi Kategori Berpasukan, pasukan Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) 'A' berjaya menjuarai perlumbaan dengan jumlah catatan masa 10 jam 43 minit, 41 saat.

Manakala tempat kedua pula disandang oleh pasukan Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB) 'B' dengan jumlah catatan masa 10 jam 44 minit 14.8 saat.

Sementara Pasukan TLDB 'A'



MENTERI Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof (kiri) menyerahkan sumbangan derma bagi Tabung Kemanusiaan Bencana Sulawesi (TKBS) kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin (kanan) selaku Penasihat Bersama bagi Jawatankuasa Kebangsaan TKBS.

sekadar berpuas hati di tempat ketiga dengan catatan masa 10 jam 44 minit 15.4 saat.

Muncul juara bagi Kategori Individu lumba basikal tersebut ialah Lans Koperal (U) Mohd. Nurhaimin bin Awang dengan catatan masa 2 jam 40 minit 38 saat, diikuti Lans Koperal (U) Masri bin Matassan yang menduduki tempat kedua dan PW2

Mohd. Norisman bin Ismail di tempat ketiga.

Pemerintah ABDB seterusnya melancarkan Tabung Dana Anak-Anak Yatim ABDB, yang mana sebanyak BND10,057.00 berjaya dikutip bagi tabung tersebut, bertujuan untuk memudah cara anggota-anggota ABDB menyumbang amal jariah secara berpanjangan.

68 pemimpin sekolah terima surat lantikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 November. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS) dan LNCP (Literacy and Numeracy Coaching Programme) mengadakan Majlis Penyampaian Surat Lantikan kepada seramai 68 orang pemimpin sekolah.

Penyampaian tersebut disempurnakan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman.

Pada majlis yang berlangsung di Dewan Serbaguna Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI), di sini, Yang Berhormat juga berkesempatan melancarkan buku 'Teaching for Mastery Framework - Tfm'.

Penggunaan buku itu diharap dapat menerapkan pengajaran berkualiti tinggi dalam amalan perancangan dan kelas mereka serta bagi pemimpin sekolah dan kumpulan kluster pula ia dapat memastikan pengajaran yang berkesan supaya mereka dapat menyokong dan mencabar guru mereka.

Sementara bagi jurulatih pula, buku berkenaan dapat membimbing kerja mereka dengan guru di seluruh jabatan dan sekolah, sementara bagi pihak Kementerian Pendidikan, ia akan dapat membangun dan melaksanakan dasar, menyediakan latihan dan mengkaji kualiti pengajaran dan pembelajaran.

Juga hadir, Timbalan Menteri



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman (kanan) menyampaikan surat lantikan kepada pemimpin sekolah pada Majlis Penyampaian Surat Lantikan di Dewan Serbaguna Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI) (kiri), sementara gambar kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

Pendidikan, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh; Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Dr. Awang Haji Azman bin Ahmad; Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Dr. Chin Wei Keh serta pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan dan para pegawai Kementerian Pendidikan.

Majlis diteruskan dengan

taklimat dari wakil Pembimbing Antarabangsa dan Tempatan mengenai Tfm dan diteruskan dengan Taklimat Pelan LNCP yang disampaikan oleh Ketua Pembangunan Sumber Manusia LNCP, Dr. Ian Cosier.

Majlis diakhiri dengan ucapan penghargaan yang disampaikan oleh Country Manager CfBT Brunei, Dominic Morley.

Majlis Ilmu 2018 wadah membarigakan ilmu, maklumat



SETIAUSAHA Tetap (Undang-Undang dan Kesejahteraan), Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim (tiga, kanan) pada Sidang Media Majlis Ilmu 2018 yang diadakan di Bilik Sejati 4, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 November. - Objektif utama penganjuran Majlis Ilmu tersebut adalah sebagai mercu tanda kepimpinan intelektualisme Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan betapa baginda sangat menitikberatkan kepentingan ilmu untuk semua lapisan masyarakat.

Di samping itu, ia juga sebagai wadah membarigakan ilmu dan maklumat yang berguna kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam terutama membawa kepada penyertaan dan penglibatan positif dan aktif golongan belia-belia.

Setiausaha Tetap (Undang-Undang dan Kesejahteraan),

Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim menjelaskan perkara tersebut pada Sesi Sidang Media Majlis Ilmu 2018 yang diadakan di Bilik Sejati 4, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, di sini.

Majlis Ilmu 2018, jelasnya akan memfokuskan kepada ekonomi, dengan penumpuan diberikan kepada pertanian dengan tema 'Sektor Pertanian: Survivabiliti Bangsa dan Negara'.

"Fokus ini adalah amat bertepatan dan sesuai untuk diberi keutamaan pada Majlis Ilmu tahun ini, pada menjunjung tinggi titah-titah Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah

menekankan akan kepentingan perkembangan ekonomi, terutamanya bidang pertanian dan dalam mendukung usaha-usaha ke arah pelaksanaan Wawasan Brunei 2035 bagi pencapaian ekonomi yang dinamik dan mampan," jelasnya.

Sambutan Majlis Ilmu 2018 merupakan sambutan Majlis Ilmu Kali Ke-13 sejak ia mula diadakan pada tahun 2004.

Majlis Ilmu 2018 merupakan salah satu acara utama perayaan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang akan diungayahkan oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP); Kementerian Kewangan dan Ekonomi, dan Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian.



YANG Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara pada Sesi Muzakarah bersama Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB).

Ahli-ahli MMN - PPDB terus jalin hubungan kerjasama mantap

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

GADONG, Sabtu, 24 November. - Seramai 13 orang Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) telah mengadakan Sesi Muzakarah bersama Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) yang berlangsung di Mes Pegawai PPDB, Gadong.

Sesi Muzakarah tersebut dipengerusikan oleh Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam.

Manakala rombongan Yang Berhormat Ahli-ahli MMN diketuai oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu.

Sesi Muzakarah didahului dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai diikuti dengan ucapan alu-aluan serta taklimat yang disampaikan oleh Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy.

Turut hadir sama bagi menyampaikan taklimat ialah Pemangku Pengarah Biro Kawalan Narkotik (BKN), Awang Haji Mohd. Jaffari bin Haji Mahadi.

Antara lain inti pati taklimat adalah menjurus kepada perkongsian mengenai peranan pasukan di dalam dan luar negara, statistik jenayah dan lalu lintas serta perancangan hala tuju dalam memperkasa keupayaan pasukan ke arah menjayakan Wawasan Brunei 2035.

Di samping itu, Sesi Muzakarah itu juga diselitkan dengan sesi soal jawab di mana perbincangan secara terbuka itu bertujuan bagi perkongsian idea, pandangan, cadangan serta hasrat dalam menggarap kepentingan, nilai faedah untuk dijadikan wacana yang bermanfaat bagi kemajuan dan juga perkembangan PPDB di masa akan datang.

Perjumpaan itu juga mencerminkan persefahaman yang wujud, permuafakatan yang terjalin serta hubungan kerjasama yang mantap di antara pihak kerajaan dan wakil masyarakat, iaitu Ahli MMN.

سروان سوئي

جادىكن جالنراي سباكي تمقة يغ سلامة

مسلمين يغ درحمي الله،

برتقوى له كيت كقد الله سبحانه وتعالى دغن سير-بر تقوى. سسغوهن اورغ يغ فالينغ مليا دسيسي الله سبحانه وتعالى اياله اورغ يغ فالينغ برتقوى. دغن كونسيف تقوى ترسيوت ملعمدهان كيت منجادي انسان يغ سنتياس مغايغاني الله سبحانه وتعالى دان ملقسناكن سكل سوروهين دان مينغكلكن سكل لارغين سرت برأوله كحيان ددنيا دان داخوة.

مسلمين يغ درحمي الله،

آكام اسلام اداله آكام شمول يغ ملقوتي سوا اسقك كهيدون. منوروت مفاهد شرعية، اومه اسلام دوتنوت اتوق منحاك ليما فركارا يايث منحاك آكام، ديري اتو يوا، عقل، كتورون دان هرتا. مفاهد شرعية برتوجوان اتوق مغوجودكن كبايكن دان كسجهزان اومه سرت منولي كمصران دان كروسفن كران شرعية اداله رحمة كقد سلوروه عالم. اوله ايت، كيت دواجيكن اتوق براختيار سدايا اوفاي منجاوهكن ديري درقد سكل فركارا يغ بوله مياوا كقد كروسفن دان مياوا كيسنان دغن منحاك ليم فركارا ترسيوت. قرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة الحائية آية ١١٨.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

لُحْرَجَعَلْتَنكَ عَلَى شَرِيحَةٍ مِنَ الْأَمْرِ فَاتَّبِعْهَا

وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ ● صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمُ

تفسون:

كمدين كامي جادىكن اشكو (واهي نبي محمد) براد اوس سوات شرعية (جالن يغ لوروس) تنغ اوروسن آكام مك ايكوتله شرعية ايت دان جاغله اشكو منوروت هاوا نفسو اورغ يغ يديق مغتهوي (كيران).

ادقون اتارا فركارا يغ مندافتكن كيسنان دان كومسهن هرتا سرت جيو ايت اياله دسيسكن برلاكون كمالغن دجالنراي منوروسي كجواين اتو كالين، مندغكن بياغن كمالغن جالنراي يغ سماكين مينغكت ديري ستاهون كستاوهون، مك برماكي اوسها تله ديوات اوله فيهي بركولس ياكبي مهنيدركن فركارا يغ يديق دايفني اين برلاكو، اتاران:

فرنام: مفاداكن سكين جالنراي دان فمريسنان كندرآن اتوق مقسن سيارغ فقاوهسواين يغ برنتغن دغن فراتورن دان اولدغ يغ بوله مغوندغ كقد مرايهيا.

كدوا: ميري فريبغان كقد قارا فمندو اكر سنتياس ماتهوي اولدغ يغ دان فراتورن جالنراي ملاهوي كيمفن ٢ دان اعلان ٢.

كبيك: منصحين قارا فمندو كندرآن سغاي سنتياس برهاتي-هاتي دان سنتياس ممستين كسلامن دان مينغككن كوسقادان سفرت مهاي تالي فيغكغ كسلامن، مريسنا كندرآن سيلوم مغكو ناكتن دان لاي ٢ سغاي فغكونا جالنراي بر ٢ سلامة.

مسلمين يغ درحمي الله،

اتوق منجمين جالنراي ايت سلامة دان سلبسا دكوناكن اوله سوا فغكونا، سجاد كندرآن برموتور اتو فجالن كاكبي، كراجان تله ممفراوتوقكن فراتورن دان اولدغ يغ باكي فغكونا جالنراي، دان اي هندقه دفاتوهي.

اوله ايت، سباكي فغكونا جالنراي، كيت هندقه سنتياس ماتهوي اكننا دان فراتورن، سنتياس برهفة صير، برتوليق انسور، برتيمغ رس دان سنتياس بروسفادا قد سنيف ماس تراوما سكالني قد وقت ٢ ترنتو سفرت كسسفن جالنراي قد موسم ٢ قرايان، اتو كيتك مهنتر دان مغميل اتق ٢ دسكوله. دمخيق ايت، كسلامن جالنراي اداله فركارا فنتيغ اتوق داميل برت دان منجادي تفكوغجواب سوا فغكونا اتوق منحاك دان ملبهارا كموداهن اين دان منجاديكن تمقة قروهوغلن يغ سلامة دان بوكن تمقة كجلاكان اتو كيسنان.

ايغله، كجواين دجالنراي بوله مغميكتن كروسفن دان كومسهن كندرآن، كندرآن ماله بوله مياوا كقد كمتين. اوله بغدمكن، دالم اوسها مياوركن فغكونا جالنراي اكر سنتياس بروسفادا دان برهاتي ٢، سغاي ترهيندر درقد برلاكون كمالغن، آكام اسلام تله مفاجركن براف فندوان دالم فرجالن اتو مسافر اتوق دعمالكن سلوم مولاكن فرجالن اتو سلوم برمسافر سجاد جاوه اتو دكت اتاران اياله فرنام: ممتولكن نية ترله دهولو اكر فرجالن كيت منجادي سباكي ساتو عناة، بگكدا: سروسن منجكتن دعاه دان توكل سرت موهون فرليندوغن كقد الله سبحانه وتعالى. قرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة التوبة آية ٥١:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

قُلْ لَنْ نُبَيِّنَآ إِلَّا مَا كَتَبَ اللَّهُ لَنَا هُوَ مَوْلَانَا

وَعَلَى اللَّهِ فَلَئِنْ كُنَّا لَأَلْمُؤِمِنَاتِ ● صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمُ

تفسون:

كناكله (واهي محمد): يديق سكالني-كالي اكن منمغا كامي مسوات قون ملايكن اف يغ تله دتفكن الله باكي كامي. دهاله فليندوغ يغ ملامتكن كامي، دان (دغن كرجيان ايت) مك كقد الله جواله هنلغن اورغ يغ برلمان برتوكل.

مسلمين يغ درحمي الله،

دعاه مروفانكن سنجات اورغ اسلام اتوق موهون سكل حاجة ددنيا دان اخوة، ترماسوق دعاه كسلامن دان فرليندوغن ديري سكل مرايهيا دان بلاه بيجان، كبيك هندق كلوار ديري رومه، كيت دانجوركن مياج دعاه دان موهون فرليندوغن الله سبحانه وتعالى درقد سيارغ بهيا دان كجاهتن مانسي، جن داد شيطان. اتارا عمالن ٢ رسول الله صلى الله عليه وسلم سلوم كلوار رومه اياله مياج سورة الفاتحه، مياج آية الكرسي دان سورة قريش. بكدنا جوك مغميلكن تجان دعاه سلوم كلوار رومه، يايث:

بِسْمِ اللَّهِ تَوَكَّلْتُ عَلَى اللَّهِ، وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ

اوتين:

دغن نام الله اكو برتوكل كقدان دان تباد دابا سرت اوفاي كجوالي دغن كاذهن الله.

ددام كتاب الأذكار كارغن امام التولوي، اد دسوتكن دعاه ٢ مأثور

دري براف حديث يغ بوله دعملكن كيتك براد ددام كندرآن، اتاران:

دالم سبوا حديث يغ دروايكن اوله امام الزمدي، درقد زاوية الأستدي رهي الله عنه، سيدنا علي كرم الله وجهه مياج دعاه اين كيتك ملفكه ماسوق كدام كندرآن دياج: بِسْمِ اللَّهِ (دغن نام الله).

سنله دودوق تنف ددام كندرآن، دياج:

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي سَخَّرَنَا هَذَا وَمَا كُنَّا لَهُ مُقْرِبِينَ. وَإِنَّا لَإِن رَّبَّنَا لَمُشْكِرُونَ

اوتين:

سكل فوجي ياكبي الله يغ تله مودمك كندرآن اين اتوق كامي

سدغ كامي سلوم اين تيدق بردايا مغواساين. دان سسغوهن كامي تنو

اكن كميالي كقد توهن كامي.

كمدين دميوغ دغن مياج:

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، سُبْحَانَكَ إِلَهِي طَلَمْتُ نَفْسِي فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

اوتين:

سكل فوجي ياكبي الله، سكل فوجي ياكبي الله، سكل فوجي ياكبي

الله. الله مها بسر، الله مها بسر، الله مها بسر. مها سوجي اشكو،

سسغوهن اكو تله مغانيلاي ديريكو، مك امقونيله اكو، سسغوهن تباد

يغ مغمفوني دوسا ٢ ايت ملايكن اشكو سهاج.

منمدهان دغن مياج دعاه ٢ دان مغميلكن ذكرو ترسيوت، كيت سوا

منداقه فرليندوغن دان رحمة الله سرت ترهيندر درقد سيارغ مالاقتاك دان

سلامة سغفي كتمقة يغ دتوجو، اخرون، ماريله كيت سام ٢ ماتهوي فراتورن

جالنراي يغ تله دتفكن اوله فيهي بركولس. عملكله صفة برسوفن ستون،

حرمة-مفجرماني دان برتوليق انسور كيتك براد دجالنراي. اف يغ فنتيغ

سباكي اومه اسلام جاغله كيت لوقا كقد الله سبحانه وتعالى قد سنيف

ماس، كادان دان تمقة. سام-سامله كيت بردعاه سوك كيت سوا دهيندركن

درقد فركارا يغ يديق دايفني دان سنتياس برادا دالم فرليندوغن دان رحمة الله

سبحانه وتعالى. آمين يا رب العالمين.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

سُبْحَانَ الَّذِي سَخَّرَنَا هَذَا وَمَا كُنَّا لَهُ مُقْرِبِينَ ●

وَإِنَّا لَإِن رَّبَّنَا لَمُشْكِرُونَ ● صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمُ

{سورة الزخرف آية ١٢-١٤}

تفسون:

مها سوجي الله يغ تله مودمك كندرآن اين اتوق كامي سدغ كامي

سلوم اين تيدق بردايا مغواساين. دان سسغوهن كامي تنو اكن كميالي

كقد توهن كامي.

بارك الله لنا في الفريان العظيم، ونفعنا بالآيات والمذكر الحكيم. وتفضل لنا

بلاوة إله هو السميع العليم، وأستغفر الله العظيم لي ولكم ولستائر المسلمين

والمسلمات والمؤمنين والمؤمنات فاستغفروه فيا فوز المستغفرين وبإجابة

التائبين.

IBTE terima anugerah pengiktirafan ISO 9001 : 2015



PEMANGKU Pengarah / Ketua Pegawai Eksekutif IBTE, Dr. Haji Awang Zamri bin Haji Sabli (kiri) menerima sijil pengiktirafan dari Pengurus Perakuan, Bureau Veritas Brunei, Ram M. Desai.

Berita dan Foto : Aimi Sani

JALAN MUARA, Sabtu, 24 November. - Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) melakar satu lagi sejarah apabila dianugerahkan Sijil Pengiktirafan Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001 : 2015 bertempat di The Longhouse Training Restaurant, IBTE Kampus Sultan Saiful Rijal, Jalan Muara. Pemangku Pengarah / Ketua Pegawai Eksekutif IBTE, Dr. Haji

Awang Zamri bin Haji Sabli dalam ucapannya berkata, penganugerahan sijil ini merupakan satu pengiktirafan dan motivasi kepada seluruh warga IBTE untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan yang efisien seperti pendaftaran kemasukan pelajar, perkembangan kurikulum, penyediaan infrastruktur, pengajaran dan pembelajaran serta penilaian pelajar.

Selain itu, ia dapat membantu usaha pengiktirafan dan akreditasi program-program yang ditawarkan oleh IBTE di peringkat nasional dan antarabangsa.

Sebelum ini, IBTE telah dianugerahkan Sijil ISO sejak Mei 2016 dengan ISO 9001 : 2008 dan hari ini IBTE beralih kepada piawaian ISO yang baharu bagi menggantikan versi sebelumnya.

Sijil pengiktirafan tersebut disampaikan oleh Pengurus Perakuan, Bureau Veritas Brunei, Ram M. Desai kepada Pemangku Pengarah / Ketua Pegawai Eksekutif IBTE, Dr. Haji Awang Zamri sambil disaksikan oleh tetamu kehormat majlis, Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh juga selaku Pengerusi Lembaga Pengelola IBTE.

IITHSB dan DHSB tawarkan perkhidmatan berasaskan hukum syariah



PENGARAH Urusan Insurans Islam TAIB Holdings Sendirian Berhad, Awang Haji Osman bin Haji Md. Jair (kiri) dan Pengarah Urusan Darussalam Holdings Sendirian Berhad, Awang Haji Mahmud bin Haji Mohamed (kanan) semasa ditemu bual.

Berita dan Foto : Haniza Abdul Latif

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 November. - Insurans Islam Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) Holdings Sendirian Berhad (IITHSB) dan Darussalam Holdings Sendirian Berhad (DHSB) merupakan dua buah anak syarikat di bawah Perbadanan TAIB.

Sejak penubuhan syarikat-syarikat tersebut, pelbagai perkembangan telah dapat dilihat termasuk menawarkan perkhidmatan yang berasaskan hukum syariah Islam bagi penduduk di Negara Brunei Darussalam dan juga dari luar negara.

Dalam temu bual Pelita Brunei bersama Pengarah Urusan IITHSB, Awang Haji Osman bin Haji Md. Jair semasa Majlis Sambutan Jubli Perak IITHSB dan DHSB yang berlangsung di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (ICC), di sini, berkata titik awal penubuhan IITHSB merupakan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa pelancaran Perbadanan TAIB pada tanggal 29 September 1991 untuk meluaskan lagi sistem kewangan Islam yang boleh diceburi.

Tambahnya, pada 3 Mac 1993 tertubuhlah Takaful TAIB yang mana pada masa itu, hanya ada empat orang tenaga kerja yang baru diambil.

"Dari titik 1993 itulah kami mula melebarkan sayap dengan menambah meja-meja Takaful dan cawangan-cawangan yang masa ini seramai 130 orang tenaga kerja, belum termasuk lebih 50 orang tenaga kerja sementara. Tujuan kami mengambil tenaga kerja sementara itu ialah untuk memberikan *exposure* dan pengalaman terutama kepada golongan muda, lepasan-lepasan sekolah dan universiti," jelasnya lagi.

Pada awal penubuhan IITHSB ujarnya, hanya mempunyai model berbayar sebanyak BND10 juta dan sekarang memiliki aset sebanyak BND229 juta dalam tempoh masa 25 tahun.

"Kami bersyukur dengan pencapaian ini dan berterima kasih di atas sokongan daripada peserta-peserta Takaful dan rakyat di negara ini," tambahnya lagi.

Sementara itu, Pengarah Urusan DHSB, Awang Haji Mahmud bin Haji Mohamed ketika ditemui berkata, pada asal penubuhan syarikat tersebut adalah untuk pengurusan haji sahaja dan atas penubuhan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah berkenan berangkat ke Kota Suci Mekah bagi merasmikan tiga buah hotel di Mekah dan sebuah hotel di Madinah, iaitu kepunyaan Kerajaan Kebawah DYMM dan di bawah pengurusan DHSB, iaitu pada tahun 1996.

Dengan adanya hotel-hotel berkenaan jelasnya, DHSB berkembang lagi setapak pada tahun 1997 dengan menawarkan Pakej Umrah.

Menurutnya, pada tahun 2001, DHSB berkembang lagi dengan memperkenalkan lagi bahagian pelancongan dan pengembaraan yang menawarkan tempahan tiket-tiket penerbangan dan tempahan hotel seluruh dunia yang menjadikan DHSB sebagai sebuah ejen pelancongan yang lebih komprehensif dan lengkap pada masa ini.

"Alhamdulillah banyak perkembangan - perkembangan yang kami lalui dan hotel yang diuruskan di bawah urusan DHSB di Kota Madinah telah mendapat penghargaan World Luxury Hotel Award yang mana adalah semata-mata untuk penginapan jemaah-jemaah haji yang mengikuti Pakej Darussalam," jelasnya lagi.

Pencuri kabel diberkas

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 November. - Balai Polis Kampong Ayer, Daerah Polis Brunei Muara telah berhasil menahan tiga lelaki tempatan yang dipercayai terlibat dalam kes merosakkan barang serta mencuri kabel.

Susulan daripada rakaman video yang tular di media sosial yang memaparkan tiga orang lelaki sedang memotong satu paip PVC yang dipercayai berisi wayar kabel kepunyaan TelBru yang telah berlaku di kawasan bawah Jambatan Kayu Sungai Kebun berdekatan Balai Bomba Sungai Kebun, Bandar Seri Begawan.

Tiga orang suspek tersebut, Mohd. Shalan bin Samat, 28 tahun, Asnain bin Uting, 39 tahun dan Haji Zakaria bin Haji Tengah, 47 tahun telah ditangkap oleh anggota Balai Polis Kampong Ayer dan telah dihadapkan ke Mahkamah Majistret atas pertuduhan di bawah Seksyen 427, iaitu kesalahan merosakkan barang, Seksyen 379, iaitu kesalahan curi dan dibacakan bersama Seksyen 34 Kanun Hukum Jenayah Penggal 22.

Kesemua tertuduh telah dibacakan tuduhan dan mereka tidak mengaku bersalah.

Dalam pada itu, pihak mahkamah telah memerintahkan ketiga-tiga tertuduh ditahan reman di Penjara Maraburong sehingga 8 Disember 2018 bagi sebutan kes seterusnya.



MINDA

PEMBACA

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Manfaatkan Cuti Persekolahan Dengan Bijak'. Tarikh Tutup : 28 November 2018
2. 'Waspada Gejala Penyebaran Berita Palsu'. Tarikh Tutup : 5 Disember 2018
3. 'Kepentingan Mengamalkan Semangat Kejiranan'. Tarikh Tutup : 12 Disember 2018

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan 15 hingga 25 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

Menangi

BND75

Setiap Minggu

Sidang Pengarang, Minda Pembaca,
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB3510,
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel:
pelita.brunei@information.gov.bn

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Majlis Graduasi raikan pelajar cemerlang

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 November. - Seramai 339 penuntut Tahun 6 dan Tahun 11 Sekolah Seri Mulia Sarjana diraikan pada Majlis Graduasi Ke-27 dan Penyampaian Anugerah Cemerlang yang berlangsung di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian anugerah kepada penuntut cemerlang ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Motohiko Kato.

Majlis dimeriahkan dengan beberapa persembahan tarian tradisional daripada penuntut sekolah tersebut.

Majlis bertujuan bagi meraikan penuntut Tahun 6 dan 11 yang telah menduduki Peperiksaan PSR dan GCE 'O' Level dan menyuntik semangat mereka untuk belajar ke peringkat seterusnya dalam mencapai kecemerlangan dalam bidang pendidikan.

Berita dan Foto : Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim



DUTA Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Motohiko Kato semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Graduasi Ke-27 dan Penyampaian Anugerah Cemerlang Sekolah Seri Mulia Sarjana (atas). Manakala gambar bawah, suasana majlis yang diadakan di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong.



LENSA

Awda kreatif, berbakat dan berminat dalam fotografi?

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Gambar yang dihantar hendaklah dalam format JPEG dengan ukuran gambar 7" x 5" 300 dpi dan disertakan penerangan ringkas tidak melebihi 100 perkataan.
3. Setiap gambar perlu diberi keterangan mengenai jenis kamera yang digunakan (DSLR/compact/kamera telefon), konfigurasi kamera (ISO, Aperture dan shutter speed)
4. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar melalui :
pelita.brunei@information.gov.bn
5. Jabatan Penerangan adalah dibenarkan untuk menggunakan gambar yang terpilih dalam mana-mana terbitan jabatan.
6. Gambar terpilih akan memenangi wang saku hati BND50.00.

Tajuk-tajuk akan datang :
1) 'Famili' - Tarikh Tutup : 8 Disember 2018
2) 'Kereta' - Tarikh Tutup : 22 Disember 2018
3) 'Bersekolah' - Tarikh Tutup : 12 Januari 2019
Kesemua tajuk-tajuk hendaklah dihantar sebelum jam 12.00 tengah hari pada tarikh-tarikh berkenaan.



PUISI

Hantarkan puisi awda ke pelita.brunei@information.gov.bn

TARBIAH RASULULLAH

Ungkapan sangat indah
cantik disebut
pemanis mulut,
namun siapakah
yang memahami madah?

Dan siapakah
pengamalnya?

Objektif utama
bukan sebut-sebutan
tetapi amalan.
Ya, di sinilah
nilai kita
selaku umat
Nabi Muhammad.

Tarbiah Rasulullah
adalah pencetus rahmat
untuk semua :
untuk keluarga
untuk bangsa
bahkan
untuk jagat seluruhnya.

Tetapi rahmat itu
bukan dipetik
atau dipetik,
RAHMAT
adalah 'nilai'
hanya didapat
apabila tarbiah Nabi dipakai.

Bukan pakai bermusim
atau pakai mengikut mood
tetapi pakai
benar-benar jadi pakaian
ya, jadi pakaian
sehingga untuk bila-bilapun
tiada ditanggalkan.

Ingatilah Nabi
cintailah Nabi,
ikutlah Baginda
untuk sepanjang masa,
bukan cuma
di saat-saat menyambut
Maulid Baginda sahaja.

Basahkanlah lidah
penuhkanlah minda
dengan selawat

kepada Baginda,
ini juga
adalah jambatan kepada
rahmat dan syafaat.

Jangan alpa mengingat Nabi
jangan lari dari tarbiahnya,
inilah saja
modal kita
untuk meraih rahmat
untuk memperolehi syafaat,
kurnia berganda.

Apa jua yang disuruh
itulah tarbiah,
begitu juga

apa saja yang ditegah
itu juga tarbiah,
sama-sama dituntut
mematuhinya.

Ertinya di sini
TARBIAH Nabi
bukanlah untuk dipilih-pilih,
siapapun,
tidak ada hak untuk memilih
kerana kedudukannya,
sudah paling terpilih.

Mana-mana orang
yang masih memilih-milih,
itu tandanya
mereka belum sehati,
masih memerlukan lagi
muhasabah diri
sejujurnya.

Nanti insyaaAllah
selepas muhasabah,
kesedaran pun datang
untuk menambah yang
kurang,
sehingga cukup
benar-benar cukup
menepati sasaran.

ADI RUMI
Grand Hyatt, Singapura,
13 . 11 . 2018.

Rencana dan Foto : Dk. Hazirah Pg. Saifuzzaman,
Penempatan Mahasiswi Universiti Brunei Darussalam
di Bahagian Pelita Brunei

TPOR passport cepat, berkesan

PASPORT merupakan dokumen perjalanan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan sesebuah negara bagi mengenal pasti kewarganegaraan dan identiti seseorang di seluruh dunia yang digunakan, sama ada bagi memasuki atau melalui negara-negara lain dengan tujuan rasmi mahupun tidak rasmi. Sebilangan masyarakat kita sering meluangkan masa bercuti mereka keluar negeri bersama keluarga sama ada untuk bersiar, melawat atau mengerjakan ibadah umrah dan sebagainya. Malah mungkin pada masa ini, ramai yang sudah membuat persiapan untuk bercuti keluar negara.

Bagi Negara Brunei Darussalam, pasport atau dokumen perjalanan dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi warganegara dan penduduk tetap yang tidak mempunyai taraf

kewarganegaraan di negara ini.

Menurut JIPK, setiap kali menjelang musim cuti persekolahan hujung tahun, jumlah bagi permohonan dokumen perjalanan akan meningkat dari hari-hari biasanya dan ini telah menyebabkan ramai yang akan beratur dan menunggu di Bahagian Pendaftaran Dokumen Perjalanan dari awal pagi lagi semata-mata untuk mendapatkan nombor giliran.

Oleh hal demikian, pelbagai usaha telah dilakukan oleh JIPK dalam memastikan jabatan tersebut memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada pelanggan menerusi Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR). TPOR merupakan suatu jaminan penyampaian perkhidmatan mengikut standard atau tahap keupayaan sesebuah organisasi terhadap pelanggan.


Permohonan Bagi Warga Emas

JIPK menyediakan kaunter khas permohonan dokumen perjalanan bagi warga emas yang berumur 60 tahun ke atas.

Saranan

Bagi mengelakkan sebarang masalah dan kesulitan semasa membuat urusan bagi membuat perjalanan ke luar negeri, orang ramai adalah dinasihatkan supaya membuat perancangan lebih awal dengan membuat atau memperbaharui pasport lebih awal dan memastikan setiap dokumen perjalanan adalah dalam keadaan yang baik dan masih mempunyai ruang muka surat kosong yang mencukupi. Tempoh sah laku dokumen perjalanan adalah sebaiknya enam bulan sebelum mansuh.

Penggunaan aplikasi QueUp juga amatlah digalakkan kepada masyarakat bagi menjimatkan masa menunggu dan menghindari



PERKHIDMATAN kaunter yang disediakan di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan.

daripada membuang masa, sebagaimana dalam bidalan Melayu ada menyatakan sesungguhnya masa itu emas, ia amat berharga dan perlu digunakan dengan baik. Orang ramai bolehlah memuat turun aplikasi QueUp dari Appstore bagi pengguna telefon bimbit

iPhone dan Google Play bagi pengguna telefon bimbit Android dan hanya perlu mengikut arahan mudah tatacara untuk membuat tempahan nombor giliran bagi permohonan membuat atau memperbaharui dokumen perjalanan atau pasport.

DOKUMEN-DOKUMEN YANG DIPERLUKAN SEMASA MEMOHON DOKUMEN PERJALANAN

BAGI WARGANEGARA DAN PENDUDUK TETAP NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



DOKUMEN PERJALANAN RASMI

- Borang permohonan
- Memorandum dari Kementerian / Jabatan yang berkenaan
- Kad pengenalan pintar pemohon (Salinan)
- Surat kebenaran dari Jabatan Perdana Menteri
- Bayaran adalah **percuma**



DOKUMEN PERJALANAN DIPLOMATIK

- Borang permohonan
- Kad pengenalan pintar pemohon (Salinan)
- Surat sokongan dan kebenaran dari Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri
- Bayaran adalah **percuma**



DOKUMEN PERJALANAN BIASA PERMOHONAN BAGI 12 TAHUN DAN KE ATAS:

- Borang permohonan
- Dokumen perjalanan asal pemohon (Jika ada)
- Kad pengenalan pintar pemohon (Asal dan Salinan)
- Kad waran polis / kad ABDB (Asal dan Salinan) jika berkenaan
- Sijil kelahiran pemohon bagi permohonan kali pertama (Asal dan Salinan)



PERMOHONAN BAGI KANAK-KANAK 12 TAHUN DAN KEBAWAH

- Kad pengenalan pintar ayah dan ibu (Asal dan Salinan)
- sijil nikah atau kahwin ayah dan ibu (Asal dan Salinan)
- Sijil cerai jika berkenaan (Asal dan Salinan)
- Surat hak penjagaan anak dari mahkamah jika berkenaan (Asal dan Salinan)
- Sijil kematian ayah jika berkenaan (Asal dan Salinan)
- Bayaran bagi dokumen perjalanan merah BND\$60.00 dan hijau BND\$35.00



SIJIL PENGENALAN BRUNEI

- Borang permohonan
- Dokumen perjalanan asal pemohon (Jika ada)
- Kad pengenalan pinar (Asal dan Salinan)
- Kad pengenalan ayah dan ibu bagi permohonan kali pertama (Asal dan Salinan)
- Kad permit masuk (Asal dan Salinan)
- Bayaran adalah sebanyak BND\$50.00

JENIS-jenis dokumen perjalanan yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan untuk tujuan rasmi atau tidak rasmi.

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR) JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN

Bil	Jenis Perkhidmatan	TPOR			
		Ibu Pejabat	CAWANGAN		
			Tutong	Kuala Belait	Temburong
10	Memproses Permohonan Pasport				
	• Pasport Biometrik	3 hari	5 hari	5 hari	5 hari
	• Sijil Pengenalan Biasa (GCI)	3 hari	5 hari	5 hari	5 hari
	• Sijil Pengenalan (CI)	3 hari	5 hari	5 hari	5 hari

Nota:
Hari yang dimaksudkan adalah Waktu-waktu pejabat sahaja.
(tidak termasuk Hari-hari kelepasan awam)

DOKUMEN-DOKUMEN YANG DIPERLUKAN SEMASA MEMOHON DOKUMEN PERJALANAN YANG HILANG

- Dokumen-dokumen yang diperlukan mengikut jenis dokumen perjalanan (Dokumen Perjalanan Rasmi, Dokumen Perjalanan Diplomatik, Dokumen Perjalanan Biasa atau Sijil Pengenalan Brunei)
- Surat laporan polis keluaran Negara Brunei Darussalam (Asal dan Salinan)
- Laporan polis luar negeri bagi yang hilang di luar negeri (Asal dan Salinan)

HILANG KALI PERTAMA

BND\$150.00

HILANG KALI KEDUA

BND\$300.00

HILANG KALI KETIGA DAN SETERUSNYA

BND\$450.00

Program Sua Muka dekat Kampung Rataie

Siaran Akhbar : Jabatan Penerangan
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

TEMBURONG, Sabtu, 24 November. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Daerah Temburong mengadakan Program Sua Muka atau lebih dikenali Personal Contact bagi Kampung Rataie.

Rombongan Jabatan Penerangan yang disertai oleh beberapa pegawai dan kakitangan dari Ibu Pejabat dan Cawangan

Penerangan Daerah Temburong itu diketuai oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Program yang diadakan di Kediaman Pemangku Ketua Kampung Rataie, Awang Haji Moslim bin Haji Salleh itu juga dihadiri Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kampung Rataie, RPN Kampung Rataie dan STKRJ Kampung

Rataie; para penduduk Kampung Rataie, RPN Kampung Rataie dan STKRJ Kampung Rataie dan Biro Wanita MPK Rataie.

Program bertujuan untuk menyampaikan maklumat rasmi mengenai dasar dan maksud kerajaan agar semua anggota masyarakat memahami, menyokong dan menghayatinya secara berkesan; ia juga sebagai platform bagi mendapatkan isu-isu, pendapat dan cadangan yang perlu diambil perhatian serta tindakan oleh pihak-pihak yang berkenaan dalam kerajaan dan pada masa yang sama untuk membarigakan dan mempromosikan perkembangan dan kemajuan mukim dan kampung, terutamanya tempat dan produk untuk diperkenalkan kepada orang ramai, dalam dan luar negara.

Antara isu yang dibangkitkan pada program tersebut ialah isu keselamatan dan harta benda awam; masalah pancaran siaran televisyen tempatan, saluran kebersihan dan prasarana jalan raya serta kemudahannya. Juga dibangkitkan



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad menyampaikan cenderahati kepada Pemangku Ketua Kampung Rataie, Awang Haji Moslim bin Haji Salleh.

mengenai hal ehwal kebajikan awam dan kesedaran nasional.

Setakat ini, keramaian penduduk Kampung Rataie / RPN Kampung Rataie dan STKRJ Kampung Rataie ialah 2,292 orang.

Antara kemudahan awam yang

tersedia di kawasan tersebut ialah Masjid RPN Kampung Rataie, sekolah rendah, Balai Bomba dan Penyelamat RPN, Dewan Kemasyarakatan Mukim Bokok dan Taman Permainan Kampung Rataie.

Peserta Bengkel AUSTSWIM diiktiraf guru renang bertauliah



PEMANGKU Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam, Puan Leah Mottram menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta Bengkel AUSTSWIM.

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BERAKAS, Sabtu, 24 November. - Seramai 22 peserta terdiri daripada 14 warga tempatan dan lapan peserta antarabangsa ditauliahkan sebagai guru renang bertauliah apabila berjaya mengikuti Bengkel AUSTSWIM selama dua minggu.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan sijil kepada peserta berkenaan ialah Pemangku Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam, Puan Leah Mottram pada Majlis Penyampaian Sijil Bengkel AUSTSWIM yang berlangsung di Sekolah Antarabangsa Brunei, di sini.

Puan Leah Mottram dalam ucapannya berkata, renang merupakan bahagian penting dalam kehidupan penduduk Australia.

"Suruhanjaya Tinggi Australia dengan sukacita dapat membuat kerjasama antara AUSTSWIM dan Persatuan Renang Amatir Brunei (Brunei Amateur Swimming Association - BASA) dan berharap dapat melihat lebih banyak orang Brunei dengan selamat dan percaya diri berpartisipasi dalam salah satu kesukan kegemaran Australia."

Bengkel yang dianjurkan oleh BASA itu dikendalikan dengan kerjasama Suruhanjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam dengan dibimbing oleh wakil dari AUSTSWIM Australia, Lyn McDermott yang telah lebih 30 tahun bekerja di Institut Sukan Australia.

Peserta bengkel tersebut telah menjalani latihan bermula dari 17 hingga 24 November.

AUSTSWIM merupakan Pertubuhan Kebangsaan Pengajaran Renang dan Keselamatan Air di Australia.

Sejurus majlis tersebut, satu Sidang Media diadakan di Bilik Physical Education yang dipengerusikan oleh Setiausaha BASA, Ang Beng Siong.

Beliau antara lain menjelaskan mengenai tujuan dan pelan Akademi Renang di Brunei.

Jelasnya, idea untuk menubuhkan Akademi Renang untuk menjadi platform dalam mencapai objektif BASA ke arah mempromosikan sukan renang, keseronokan sepanjang hayat, manfaat kesihatan yang baik dan estet diri melalui program Latihan Akademi Renang.



ANTARA yang hadir pada Program Sua Muka yang diadakan di Kediaman Pemangku Ketua Kampung Rataie, Awang Haji Moslim bin Haji Salleh.

Perkhidmatan Kaunter Pos BSB dibuka semula

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 25 November. - Jabatan Perkhidmatan Pos ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa Perkhidmatan Kaunter di Pejabat Pos Bandar Seri Begawan (BSB) akan dibuka semula bermula pada Isnin, 26 November 2018 bersamaan 18 Rabiulawal 1440.

Waktu Perkhidmatan Kaunter di cawangan berkenaan adalah seperti berikut :

Perkhidmatan Tradisi Pos, iaitu Menyewa Peti Surat; Pos Laju; Speedpost; Surat Berdaftar; Setem; dan Jualan Setem (Filatelik) dibuka pada setiap Isnin hingga Khamis dan Sabtu bermula jam 8.00 Pagi

Siaran Akhbar :
Jabatan Perkhidmatan Pos

hingga 12.15 Tengah Hari dan 1.30 Petang hingga 4.30 Petang.

Selain itu, perkhidmatan Pembayaran Sewa Peti Surat dan Jualan Wang Pos juga Pengutipan Benda-benda Pos pula seperti Bungkusan, Paket Kecil dan Berdaftar dibuka pada setiap Isnin hingga Khamis dan Sabtu, bermula jam 8.00 Pagi hingga 12.15 Tengah Hari dan 1.30 Petang hingga 4.30 Petang.

Manakala Perkhidmatan Agensi pula ialah Pembayaran Bil (Elektrik, Air, DST dan Astro)

dibukakan pada setiap Isnin hingga Khamis dan Sabtu bermula jam 8.00 Pagi hingga 12.15 Tengah Hari dan 1.30 Petang hingga 3.00 Petang.

Ini tidak termasuk bagi Perkhidmatan Membaharu Lesen Memandu dan Cukai Kenderaan.

Bagi pertanyaan lanjut, orang ramai bolehlah menghubungi Ketua Penguasa Pos (Unit Kaunter), Awang Muhammad Adzly bin Haji Tinggal melalui talian +673 2384423 atau e-mel ke adzly.tinggal@post.gov.bn.

Sukan

INFO SUKAN

NEGARA Brunei Darussalam melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Persatuan-Persatuan Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam sekali lagi telah diberikan penghormatan untuk menganjurkan Sukan Persahabatan BIMPNT-EAGA Ke-10, 2018 bermula pada 7 hingga 9 Disember 2018.



ePaper Pelita Brunei

Kejohanan Golf Amal Kali Ke-17 raih dana BND27,000



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin semasa menyaksikan penyerahan sumbangan yang diterima oleh Pemegang Amanah Kanan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Dato Paduka Mohd. Alimin bin Haji Abdul Wahab (kiri). Manakala gambar kanan, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyampaikan hadiah kepada antara pemenang Pertandingan Golf Amal Kali Ke-17 Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam.

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

BERAKAS, Ahad, 25 November. Ke-17 Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam yang - Johari Haji Ahmad muncul juara Pertandingan Golf Amal Kali berlangsung di Kelab Golf

Penerbangan Diraja Brunei (RBA). Naib juara disandang Awangku Muhd. Syakir bin Pengiran Haji Alli, manakala tempat ketiga, milik Seruji Haji Setia. Bagi Kategori Overall Nett,

Abdul Kadir bin Abdul Ghani dinobatkan juara, Suhaimi Haji Ibrahim sebagai naib juara dan Mohd. Ali Yassin Haji Mohammad mendapat tempat ketiga. Penyerahan hadiah kepada para pemenang disempurnakan oleh tetamu kehormat, Menteri

Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Bagi Kategori Division 'A', Division 'B' dan Division 'C' Nett masing-masing dijuarai oleh Lai Suan Loong, Edward Philips dan Shahnom Haji Ahmad.

Juara bagi Kategori Senior Nett disandang oleh Haji Ismail Haji Jaafar, manakala bagi Kategori VIP dan Penaja, juara milik Kenneth Lim.

Sementara itu, bagi Kategori Ladies Nett dan Ladies Gross, juara masing-masing diraih oleh Dayangku Siti Nurmarshiziah dan Almas Syadzwanie Kamis.

Pertandingan amal yang diadakan selama tiga hari bermula 23 November lalu disertai oleh seramai 188 pemain.

Kejohanan berjaya meraih dana kira-kira BND27,000, yang mana akan disumbangkan bagi menyokong kanak-kanak berkeperluan khas di Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam termasuk perbelanjaan bulanan dan pelan pembangunan pusat berkenaan.

Pusat Ehsan merupakan pertubuhan amal bukan kerajaan yang komited dalam menyediakan pendidikan, rehabilitasi dan penjagaan berkualiti kepada orang-orang berkeperluan khas di negara ini.

Riadah Berbasikal dukung ke arah hidup sihat



MARDANI Dato Haji Mohammad (kiri), Mohammad Jarudin (tengah) dan Mohammad Safli Mahali (kanan) semasa ditemu bual pada Acara Riadah Berbasikal sempena Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-57.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 25 November. - Acara Riadah Berbasikal sempena Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (HUT ABDB) Ke-57 diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin. Lebih 1,057 peserta terdiri daripada anggota ABDB dan orang ramai menyertai acara tersebut. Pada acara tersebut, Pelita

Brunei sempat menemu bual beberapa peserta yang mengikuti acara riadah berbasikal trek Fasa 2, iaitu sejauh 12 Kilometer bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta

kerabat diraja yang lain. Mohammad Safli Mahali berkata, Riadah Berbasikal pagi itu lebih meriah dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama kerabat diraja yang lain. Beliau menambah, ia

menunjukkan keprihatinan dan kepentingan terhadap belia untuk negara, juga memperlihatkan penglibatan mereka dalam beberapa aktiviti.

"Melihat perkembangan yang amat memberangsangkan riadah berbasikal ini sudah mula menjadi sebahagian kehidupan kitani, apa lagi pada hari ini ada keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia memberikan semangat dan pendorong kepada lapisan masyarakat yang ada di negara ini," tambahnya.

Bagi Mohammad Jarudin pula, riadah seperti ini amat bagus untuk kesihatan dan tenaga, selain mencerminkan pendekatan keseluruhan negara yang melibatkan seluruh lapisan masyarakat, termasuk pihak bukan kerajaan atau NGOs dan institusi-institusi pengajian tinggi yang menampakkan diversiti dan inovasi untuk menganjurkan aktiviti di taman.

Walau bagaimanapun ujarnya, diharap para penunggang basikal akan sentiasa menjaga keselamatan dan mengikut peraturan di jalan raya.

Berita dan Foto : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Sementara itu, Mardani Dato Haji Mohammad menyatakan bahawa belia-belia di negara ini begitu proaktif, bertanggungjawab juga sering mengetuai dan melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti termasuk menjaga persekitaran, kebersihan pantai dan menjaga keharmonian.

Namun riadah tersebut jelasnya, bukan hanya tertumpu kepada belia, ia juga kepada ahli-ahli keluarga dan masyarakat yang ada di negara ini untuk menyertai aktiviti yang dianjurkan oleh belia-belia di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin.

Aktiviti seumpama ini perlu diteruskan sampai bila-bila kerana selain memberikan peluang kepada keluarga untuk keluar beriadah, aktiviti sebegini juga boleh mendukung ke arah cara hidup yang lebih sihat dengan penganjuran pelbagai acara seperti senamrobik, larian dan sebagainya.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

'SEKTOR PERTANIAN SURVIVABILITI BANGSA DAN NEGARA'

دربیتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.